

**Jilid I  
Bil. 14**



**Hari Khamis  
28hb Februari, 1991**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*



**Jilid I  
Bil. 14**



**Hari Khamis  
28hb Februari, 1991**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1653]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 1687]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [Ruangan 1715]

MALAYSIA

**PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.  
(Dilantik).

„ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan  
Industri, DATO' DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau  
Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).

„ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

„ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik-Wilayah Persekutuan).

„ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).

„ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

„ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

„ TUAN P. BALARAM, A.M.N., A.M.K. (Kedah Darulaman).

„ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI (Dilantik).

„ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE (Sabah).

„ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (PerJis).

„ TUAN DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

„ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).

„ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).
- „ TUAN HASSAN BIN HARUN, A.M.N. (Kelantan).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNLAN, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik -Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD (Negeri Sembilan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KUAN PENG SOON, A.M.N. (Perak).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ TUAN LIM CHIEN AUN (Pulau Pinang).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik),
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAPA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALSIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' TAN TIEW BOCK (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK TIONG HIEW KING, P.B.S. (Dilantik).

.. TUAN K. YIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (Dilantik).

.. TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).

.. TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
 Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.  
 Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.  
 Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.  
 Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.  
 Penyunting: P.B. Menon.  
 Penolong Penyunting: Ramaswamy.  
 Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.  
 Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
 Supiah binti Dewak.  
 Ismail bin Haji Hassan.  
 Hajah Kalsom binti Ghazali.  
 Mohamed bin Osman.  
 Norishah binti Mohd. Thani.  
 Zaharah binti Naim.  
 Su Soon Chuan.  
 Norwahidah binti Azizi.  
 Rozita binti Abdul Samad.  
 Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Khamis, 28 Februari, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANLAPANGAN TERBANG  
ANTARABANGSA KE 2—  
PEMBINAAN

**1. Tuan V. K. Sellappan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan pembinaan sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa yang ke 2:

- (a) apakah kriteria untuk memilih sesuatu kawasan bagi menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa; dan
- (b) sudahkah Kementerian mengkaji dan memilih tempat yang sesuai bagi lapangan terbang yang ke 2 ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Isihail):** Tuan Yang di-Perua,

- (a) Pemilihan kawasan bagi pembinaan sesebuah lapangan terbang yang baru adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu, antaranya seperti berikut:
  - (i) Kesesuaian dan keluasan tanah
  - (ii) Keperluan aeronautic

(iii) Jaraknya dari pusat pembangunan dan bandar

(iv) Kos pembinaan

(v) Hasil kajian ke atas alam sekitar.

- (b) Kajian mengenai pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Lembah Kelang sedang dijalankan. Setakat ini keputusan masih belum dibuat tentang kawasan mana yang akan dipilih.

SYARIKAT KERAJAAN  
DISWASTAKAN

**2. Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak syarikat-syarikat Kerajaan diswastakan setakat ini. Berapa buah syarikat lagi akan diswastakan bagi tahun 1991.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastakan telah digubal dalam tahun 1983. Semenjak itu kemajuan dan pencapaian yang memuaskan telah dibuat. Walau bagaimanapun, Kerajaan berhasrat memperluas dan mempertingkatkan lagi tahap pelaksanaan dasar ini.

Pelan induk penswastakan ini merupakan suatu usaha penting yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencapai tujuan ini. Pelan tersebut telah digubal berdasarkan satu kajian



yang telah dijalankan oleh sebuah konsortium perunding. Tujuan dokumen pelan induk penswastaaan ini adalah untuk mengkaji kemajuan yang telah dicapai dalam pelaksanaan dasar ini, isu-isu penting mengenai penswastaaan dan memberitahu arah haluan program itu pada masa hadapan.

Sehingga kini sebanyak 37 projek Kerajaan yang terdiri daripada syarikat-syarikat Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan dan juga projek-projek baru telah diswastakan. Bagi tahun ini, Kerajaan telah mengenalpasti sebanyak 24 projek Kerajaan yang akan diswastakan. Senarai projek-projek tersebut telah dimasukkan ke dalam Pelan Tindakan Penswastaaan yang telah diedarkan kepada orang ramai.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila satu-satu projek itu telah diswastakan adalah bermakna Kerajaan lepas tangan langsung dari segi tanggungjawabnya. Maksud saya ada projek yang berguna dan ada berkaitan dengan kegunaan Kerajaan dalam satu-satu kecemasan. Jadi kalau Kerajaan lepaskan begitu sahaja, tidak adalah tanggungjawab langsung Kerajaan kepada projek itu dan ini mungkin akan menimbulkan kesukaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada soalan tambahan.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Soalannya, adakah bermakna Kerajaan setelah menswastakan itu tidak langsung bertanggungjawab atas projek itu?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam dua perkara Kerajaan mengambil kepentingan, misalnya berkenaan kakitangan Kerajaan, apabila telah menjualkan kepentingannya sesuatu

entity Kerajaan ianya akan dilindungi apabila diswastakan dan selama tempoh 5 tahun selepas ianya diswastakan, kakitangan tersebut tidak boleh diberhentikan selain daripada kes-kes disiplin. Selain daripada itu Kerajaan juga menubuhkan satu Badan Kawalselia yang bertujuan untuk menentukan yang badan-badan yang telah diswastakan tidak terkeluar daripada garis dasar dan tidak akan menjadi satu ancaman kepada mana-mana dasar Kerajaan.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan.

Pertamanya, saya ingin tahu mengenai firma-firma atau organisasi-organisasi Kerajaan yang akan diswastakan pada tahun ini iaitu sebanyak 24 buah. Sebanyak manakah kakitangan yang terlibat yang tidak lagi akan menjadi pekerja Kerajaan sesudah diswastakan?

Yang kedua, sebanyak manakah pada perhitungan Kerajaan akan dapat diselamatkan apabila organisasi tadi diswastakan, dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth tadi, iaitu sejauh manakah Kerajaan akan memastikan organisasi-organisasi yang berbentuk natural monopoly yang diswastakan tidak mengabaikan kepentingan pengguna-pengguna di dalam kegiatan perniagaannya kelak? Terima kasih.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan tambahan, biar saya jawab secara umum.

Berkenaan soalan pertama yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun, dari segi objektif penswastaaan, memanglah ia bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan

dan pentadbiran Kerajaan dan meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Dari segi angka-angka yang diminta oleh Yang Berhormat itu akan saya berikan secara bertulis.

Berkenaan dengan natural monopoly ini dan apakah tindakan yang diadakan, kalau sekiranya persaingan tidak mudah digalakkan oleh kerana natural monopoly ini dan Badan-badan Kawalselia yang sedia ada akan diperkukuhkan dan badan-badan baru akan ditubuhkan untuk melaksanakan kawalselia dengan secara lebih berkesan lagi dan satu kajian yang sebenarnya sedang dibuat tentang perkara ini.

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik hati di atas jawapan dan penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, yang mana setakat ini 37 syarikat-syarikat Kerajaan yang sudah diswastakan dan sebanyak 24 buah syarikat lagi akan diswastakan bagi tahun ini.

Soalan saya yang pertama, apakah nama-nama syarikat dan urusniaganya yang akan dan bakal diswastakan itu dan adakah syarikat-syarikat tersebut menghadapi masalah yang sangat rumit ataupun teruk untuk dihidupkan semula?

Yang kedua, Ahli-ahli Dewan Negara ini adalah terdiri daripada pejuang-pejuang dan para pemimpin politik yang berjasa serta banyak menyumbang buah fikiran untuk kepentingan rakyat dan negara, supaya perjuangan ini bertambah mantap serta ikatan silalurahimnya di antara Senator-senator yang lama dan baru akan berterusan manakala mereka bersara, soalnya adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan sebuah syarikat yang akan diswastakan itu kepada group of Senators, dengan izin?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar**

**Albar:** Tuan Yang di-Pertua, senarai yang dimintakan oleh Ahli Yang Berhormat terkandung di dalam Pelan Induk Penswastakan yang dijual kepada orang ramai dengan harga \$10.00. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak senarai ini, boleh diberikan senarai itu. Jika Yang Berhormat ingin mendapatkan senarainya daripada Kementerian ataupun daripada EPU, kita boleh memberikan senarai oleh kerana Kerajaan mengambil sikap sekarang iaitu semua projeknya yang hendak diswastakan dibuat secara terbuka dengan memberitahu nama-nama syarikat yang telah diswastakan dan akan diswastakan pada tahun-tahun yang tertentu.

Berkenaan dengan adakah syarikat-syarikat itu teruk, itu bukanlah asas untuk penswastakan. Asas penswastakan ialah oleh kerana kita menganggap syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi yang dikelolakan oleh Kerajaan adalah lebih baik dikelola dan dijalankan oleh badan swasta. Jadi, tidak semestinya syarikat yang tidak memperolehi keuntungan yang diswastakan, Mungkin sebuah syarikat boleh mencapai kecekapan yang lebih baik jika diswastakan. Saya ambil satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, Container Terminal di Pelabuhan Kelang setelah diswastakan bagi satu kapal, kita telah dapat mempertingkatkan dari segi pengendalian—daripada masa memunggah sebuah kapal daripada 1.7 jam sebelum diswastakan menjadi 8.9 jam dua tahun selepas diswastakan. Jadi, ada peningkatan dari segi produktiviti dan kecekapan pengendalian syarikat.

Berkenaan dengan perjuangan politik ini, saya tidak dapat menjawab oleh kerana ini melibatkan kepentingan. Tetapi apa yang saya boleh cakap dari segi cara umumnya, Kerajaan akan mempertimbangkan mana-mana jua pihak yang dapat memberikan petunjuk yang mereka

mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk menjalankan sesebuah syarikat ataupun agensi yang hendak diswastakan. Terima kasih.

### RINGGIT MALAYSIA—NILAI

**3. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai nilai matawang Malaysia yang telah turun agak banyak pada tahun ini jika dibanding dengan matawang asing:

- (a) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menghindarkan lebih susut nilai ringgit Malaysia; dan
- (b) kesan-kesan pada matawang kita apabila Bank Negara kita menjual matawang sterling yang bernilai US\$500 hingga US\$1,000 juta di London pada bulan September ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kedudukan nilai ringgit dalam tempoh akhir tahun 1990 hingga 31hb- Januari, 1991 adalah merosot sedikit berbanding dengan beberapa matawang utama dunia. Ringgit telah merosot sebanyak 0.6% terhadap dolar Singapura dan deutschmark, 2,3% terhadap paun sterling, 2.9% terhadap yen dan 1.2% terhadap nilai komposit, iaitu nilai sekumpulan matawang yang rasmi dan rakan perdagangan utama Malaysia. Walau bagaimanapun, nilai ringgit terus kekal terhadap dolar Amerika Syarikat sejak akhir tahun 1989.

Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk memperkukuh dan menggalakkan lagi pertumbuhan

ekonomi. Langkah-langkah ini juga dapat memperkukuhkan nilai ringgit. Langkah-langkah ini termasuk dasar-dasar fizikal dan kewangan flexible untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing dan meningkatkan eksport negara. Langkah-langkah juga diambil untuk memperkembangkan industri kecil dan sederhana untuk meningkatkan pelaburan dan pengeluaran negara. Langkah-langkah fizikal dan kewangan yang telah diambil oleh Kerajaan dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 9.5% dalam tahun 1990 dan akan berterusan pada tahun 1991.

Memandangkan ekonomi negara kita ini bertambah kukuh, kedudukan rizab kita juga adalah baik dan kadar inflasi adalah terkawal. Kedudukan ini akan memperkukuhkan nilai ringgit pada masa akan datang. Penjualan matawang sterling merupakan satu aspek Kerajaan dalam pengurusan rizab-rizab negara. Hasil daripada langkah ini, nilai ringgit dapat distabilkan. Tambahan pula, spekulasi yang berlebihan terhadap ringgit dapat dihindarkan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campurtangan dalam pasaran matawang asing untuk mempertahankan nilai ringgit dan seterusnya membiarkan nilai ringgit ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran. Kerajaan melalui Bank Negara hanya bertindak untuk menentukan supaya keadaan pasaran terhadap ringgit adalah teratur.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pandangannya mengenai soalan yang dikemukakan oleh Puan Law Jack Yoon yang seolah-olah memberikan gambaran bahawa susut nilai wang itu bermakna tidak bagus kepada negara kita, dan banyak soalan-soalan dan pandangan orang bahawasanya apabila disebutkan susut nilai wang kita, implikasinya itu ialah suatu kerugian. Apakah ini merupakan perkara yang sebenar, sebab daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nilai wang ditentukan oleh "market forces", dengan lain perkataan, ada sesuatu yang baik daripada keputusan Kerajaan itu? Apakah ini benar?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih ke atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, dalam tahun 1980an Kerajaan kita terlalu campurtangan dalam pasaran matawang asing supaya menstabilkan nilai ringgit negara kita ini. Oleh kerana tindakan-tindakan yang diambil oleh orang yang berkuasa pada masa itu tidak mendatangkan faedah kepada negara kita ini, maka Kerajaan sekarang ini tidak ingin campurtangan dan membiarkan nilai ringgit ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran.

Mengenai pandangan terhadap apa yang dianggap oleh masyarakat ataupun orang ramai apabila ada susut nilai wang ini, ia tidak akan memberi kekesanan buruk kepada negara kita ini.

Dari segi ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah memandangkan keadaan ini daripada beberapa segi. Apabila ada susut nilai wang ataupun nilai ringgit Malaysia kita ini merosot, berbanding dengan matawang-matawang utama di dunia, bukan

semestinya memberi kekesanan buruk kepada negara ini oleh kerana ini akan mengakibatkan produk-produk ataupun pengeluaran negara kita ini menjadi lebih bersaing di dalam pasaran dunia.

Bank Negara, sebagai satu agensi yang mengawal nilai ringgit di negara kita ini mengimbangkan jikalau ada sindiket-sindiket ataupun kuasa (forces) yang tidak diingini memainkan kuasa di dalam pasaran kewangan, akan merosotkan nilai ringgit. Jadi, apabila keadaan itu timbul, hanyalah Bank Negara bercampurtangan untuk menstabilkan nilai ringgit kita ini.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi terperanjat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dia kata Kerajaan campurtangan. Sebenarnya, saya harap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada kami dalam Dewan ini, Kerajaan campurtangan atau kerana atas sesuatu kuasa Menteri Kewangan yang sebelum yang ada sekarang ini yang mempunyai idea sehingga benda ini berlaku.

Kalau sebut Kerajaan campurtangan—saya jadi Senator tahun 80an, saya sudah ada dalam Dewan ini. Saya tidak mahu terlibat. Perkara-perkara yang baik saya mahu mengakui itu Kerajaan campurtangan. Kalau perkara-perkara yang tidak baik, saya tidak mahu mengaku. Kita ini sebagai policy-makers dan kita bersama bertanggungjawab. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berterus terang cakap bahawa Menteri Kewangan yang dahulu yang banyak campurtangan. Bukankah itu lebih baik? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat telah memberikan jawapannya sendiri. (*Ketawa*)

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah implikasi perang Teluk terhadap nilai ringgit Malaysia?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, tolong ulangi?

**Puan Law Jack Yoon:** Apakah implikasi perang Teluk terhadap nilai ringgit Malaysia?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara sedang mengkaji ataupun memberikan perhatian yang secukupnya atas kekesanan perang Teluk yang ada pada nilai ringgit Malaysia kita ini. Belum ada keputusan yang telah dibuat oleh Bank Negara.

#### MAHKAMAH MENJALANKAN KES-KES DENGAN BAHASA MALAYSIA

**4. Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa banyakkah Mahkamah telah menjalankan kes-kesnya dengan Bahasa Malaysia; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang timbul bila dijalankan dalam Bahasa Malaysia.

**Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah pada 20hb Disember, 1990. Saya tidak ada apa-apa lambahan kepada jawapan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.

**Puan Hajah Rosnah bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 5 dan saya ingin

menambah satu perkataan selepas perkataan "Menteri Penerangan" itu "menyatakan".

#### DRAMA TV—PEMILIHAN

**5. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Penerangan menyatakan siapakah yang menentukan pemilihan drama dan jenis-jenisnya disiarkan di TV. Apakah hubungkait RTM atau TV3 dengan FINAS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, pemilihan drama swasta untuk siaran di RTM adalah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa perolehan drama swasta RTM yang dipengerusikan oleh Pengarah Televisyen RTM sendiri. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah terdiri dari penerbit-penerbit dan penulis-penulis drama TV yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang penerbitan dan penulisan skrip drama TV. Buat masa ini RTM membeli drama-drama yang disampaikan dalam bentuk drama yang telah siap atau, dengan izin, (mixed product yang mengandungi berbagai jenis dan corak cerita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hubungkait RTM atau TV3 dengan FINAS, RTM adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Penerangan dan TV3 adalah sebuah stesen penyiaran televisyen swasta. Manakala FINAS atau Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pula adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Penerangan. FINAS ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan 1984) yang bertanggungjawab untuk membangun, memelihara, mengawasi dan mengembangkan perusahaan perfileman di Malaysia.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih di atas jawapannya dan saya cuma ada satu soalan tambahan. Adakah Kementerian Penerangan memberi garis panduan kepada pihak TV1, TV2 dan TV3 supaya menyiarkan lebih banyak drama yang bermakna demi kebaikan generasi muda kerana terdapat banyak drama yang disiarkan hanya memberi ketawa dan lucu dan tidak bermakna, terutamanya drama Tionghua yang diimport dari Hong Kong.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada garis panduan-garis panduan yang sedia ada yang digunapakai pada masa ini. Drama-drama memang diarah untuk memberikan message yang positif untuk membentuk nilai-nilai yang murni, moral yang baik kepada penonton. Tetapi di akhir-akhir ini oleh kerana moral rakyat Malaysia ini nampaknya ada peningkatan sedikit, kita menerima tekanan bahawasanya masih banyak lagi drama-drama yang mengandungi message serta bermutu tinggi diperlukan.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawasanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun telah mengarah agar drama-drama yang bercorak pendidikan dan juga berthema kekeluargaan diperbanyakkan. Hasil daripada itu, Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri sudah memanggil RM1, RM2 dan juga TV3 dan LPF pada 8hb Februari yang lalu untuk memperkuat arahan yang baru itu.

Berkenaan dengan drama dari Hong Kong, buat masa ini memang RTM kekurangan drama-drama tempatan dalam bahasa Mandarin ataupun Kantonis dan apa yang kita mampu ialah membeli drama-drama ini daripada Hong Kong. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawasanya drama ini tidak

mempunyai thema yang tertentu dan oleh kerana itu kita menggalakkan drama-drama swasta, khususnya dalam filem-filem Mandarin dan sebagainya dibanyakkan. Sekiranya ada penerbit-penerbit drama Mandarin ataupun Tionghua dalam negara ini, kita bersedia untuk melihat drama-drama itu asalkan harganya berpatutan.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah terdapat artis-artis ataupun penyanyi-penyanyi kena gam.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Gam ini istilahnya dilekat, tidak dikeluarkan siarannya.

Sebenarnya ini adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat umum. Kita gam satu-satu artis itu berdasarkan kepada kelakuan dan akhir-akhir ini, kalau sekiranya artis itu dibuktikan di dalam mahkamah melibatkan diri di dalam penagihan dadah, kita tidak mahu anak-anak muda kita mendewa-dewakan artis-artis yang bersikap tidak bermoral, mengedar dadah dan sebagainya. Atas asas itulah, Tuan Yang di-Pertua, pokoknya melindungi, menjaga, mempertahankan masyarakat Malaysia kita dari segi pengaruh-pengaruh yang tidak diingini.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah keuntungan yang diperolehi daripada iklan yang disiarkan dari TV1 dan TV2 dalam sebulan?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selain daripada

gam-menggam tadi untuk menjaga imej ataupun moral artis-artis kita, apakah langkah-langkah lain dibuat oleh Kementerian Penerangan mengelakkan daripada hal-hal yang dikatakan tadi supaya perbuatan menagih dadah tidak menjadi begitu serius kepada artis-artis kita.

Kedua, drama Hikayat Hang Setia, Drama ini telah banyak mendapat komen daripada penonton-penonton hala ke mana dibawa drama ini. Kalau mengikut hikayat Hang Setia itu merupakan hikayat zaman silam tetapi kadangkala corak ceritanya berbau moden dan kadangkala sebutan dialog itupun tidak begitu menarik. Saya peminat drama ini tetapi saya ingin komen supaya dapat drama ini diperbaiki lebih menarik dan lebih bermutu lagi kepada para penonton.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas hasrat Yang Berhormat untuk memperbaiki drama-drama seperti ini. Sebenarnya berkenaan dengan soalan pertama tadi, saya rasa adalah terkeluar sedikit daripada soalan kerana kita tidak ada kuasa untuk mengawal artis-artis selain daripada yang mendapat siaran televisyen.

Berkenaan dengan Hang Setia, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya percaya bahawasanya taraf intelektualisme di antara Ahli-ahli Dewan ini dengan penonton-penonton biasa memang ada perbezaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program ini adalah ditujukan kepada golongan masyarakat yang dhaif di luar bandar, yang mempunyai pemikiran yang simple, yang berhasrat untuk mencari hiburan yang murah yang terdaya dan termampu oleh mereka melalui siaran televisyen.

Hang Setia ini merupakan daripada 200 program yang disiarkan oleh RTM adalah program yang ke 27 terpopuler. Bererti ianya mendapat

sambutan yang baik daripada masyarakat luar bandar dan di atas mesejnya adalah tidak lain daripada untuk mewujudkan perasaan semangat setia oleh masyarakat kepada pemimpin, kepada keluarga, kepada negara, tanahair, bangsa, agama dan sebagainya. Di atas cadangan Yang Berhormat untuk dibaiki, saya bersetuju dan kita akan mengkaji perkara itu.

### PENCEMARAN DI MALAYSIA—KAWALAN

**6. Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah pencemaran persekitaran di Malaysia sekiranya tidak dikawal boleh menjadi masalah yang besar di negara ini. Pencemaran udara di negara ini kebanyakannya adalah berpunca dari gas buangan kenderaan bermotor, buangan dari kilang, kebakaran sampah-sarap yang tidak terkawal dan lain-lain. Cuaca berjerebu yang berlaku pada Ogos 1990 di Kuala Lumpur adalah punca dari faktor-faktor ini:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memeriksa darjah pencemaran udara di negara ini; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal masalah pencemaran udara di negara ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ialah ya, saya sedar bahawa masalah pencemaran di Malaysia boleh menjadi masalah yang besar jika tidak dikawal. Oleh sebab itu, Kerajaan telah mewartakan Akta Kualiti Alam Sekeliling dalam tahun 1974 dan menubuhkan Jabatan Alam

Sekitar bagi menguatkuasakan Akta dan peraturan di bawahnya.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menentukan status kualiti udara dengan merancang dan melaksanakan Program Pengawasan Udara Kebangsaan bertujuan memeriksa darjah atau tahap pencemaran udara di negara ini. Setakat ini 224 buah stesen telah ditubuhkan untuk mengawas berbagai-bagai bahan pencemar di udara.
- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan berkenaan untuk mengawal masalah pencemaran udara di negara ini termasuklah:
- (i) memperketat dan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan terhadap kenderaan bermotor mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977, kerana kenderaan bermotor merupakan punca utama dan terbesar masalah udara;
  - (ii) memperketat dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, bagi mengawal masalah pencemaran khususnya oleh aktiviti-aktiviti perindustrian dan komersial;
  - (iii) mengawasi pematuhan oleh pihak industri petroleum kepada Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor)

1985 yang menghendaki kandungan paras plumbum dalam minyak gasolin (petrol) hanya pada paras 0.15 gram satu liter mulai 1 Januari 1990 yang lalu bagi mengawal pelepasan plumbum ke udara melalui ekzos kenderaan petrol;

- (iv) mempertingkatkan lagi sistem pengawasan kualiti udara di seluruh negara supaya maklumat-maklumat terperinci boleh diperolehi untuk memberi gambaran status kualiti udara dari semasa ke semasa; dan
- (v) memperketat dan mempertingkatkan penguatkuasaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 atau EIA demi menentukan projek pembangunan di peringkat perancangan mengambil kira pencegahan dan kawalan pencemaran udara sebelum projek tersebut didirikan.

## WANG TAK DITUNTUT

**7. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah langkah yang telah diambil dan kekesanan yang didapati terhadap Wang Tak Dituntut yang diwartakan dan bagaimanakah kedudukan wang tersebut di masa hadapan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, wang yang tak dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan) 1989 adalah dimasukkan dan disimpan dalam satu Akaun Amanah Yang Disatukan (Consolidated Trust Account). Mengikut Akta tersebut semua wang



tak dituntut dari mana-mana syarikat, firma, pertubuhan dan badan berkanun hendaklah diisytiharkan dengan menghantar dua salinan borang, dengan izin, Unclaimed Money Act ataupun UMA 1 tidak lewat daripada 31hb Mac tiap-tiap tahun kepada Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Jabatan Percetakan Negara untuk diwartakan dalam *Warta Kerajaan* bagi tujuan memberitahu semua pemiliknya supaya tuntutan terhadap wang ini boleh dibuat. Pemilik boleh membuat tuntutan untuk mendapatkan balik wang ini dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perisytiharannya dalam Borang UMA I yang diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Mengikut Akta, selepas tempoh 12 bulan ini bagi wang tak dituntut itu hendaklah diserahkan kepada Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut (Registrar of Unclaimed Monies).

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan si empunya wang tak dituntut ini, pihak Pendaftar Wang Tak Dituntut akan menyimpan wang ini dalam Akaun Amanah Yang Disatukan selama 6 tahun lagi sebelum memindahkannya kepada Akaun Hasil Yang Disatukan (Consolidated Revenue Account). Dengan demikian, wang ini tidaklah digunakan oleh Kerajaan bagi membiayai perbelanjaannya.

Wang tak dituntut yang diterima daripada semua syarikat ataupun firma yang disimpan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut bolehlah dituntut balik oleh si empunya yang sah pada bila-bila masa dengan menggunakan Borang UMA 7. Hak si empunya menuntut balik wangnya adalah terjamin dan tempoh tuntutan oleh pihak yang berhak menuntutnya adalah kekal dan tidak luput dan sekiranya si empunya meninggal dunia, warisnya ataupun pemegang harta pesakanya bolehlah menuntut wang tak dituntut ini dengan memberi bukti yang cukup dan sah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang ada dalam Akta Wang Tak Dituntut untuk mengawasi wang tak dituntut adalah memadai bagi mengawasi wang yang tak dituntut.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Timbalan Menteri Kewangan berhubung dengan wang yang tak dituntut ini, adakah wang ini diberitahu kepada waris yang meninggalkan wang tak dituntut itu ataupun diberitahu secara umum, kerana ada setengah-setengahnya mereka ini tidak tahu yang wang itu ada yang boleh dituntut.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berkenaan tentulah berhasrat untuk memberitahu waris orang-orang yang mempunyai wang di dalam Tabung Wang Tak Dituntut, tetapi kadangkala susahlah bagi pihak yang berkenaan untuk mencari mereka. Biasanya, seperti apa yang saya katakan tadi, wang itu akan diwartakan dalam *Warta Kerajaan* dan juga sekiranya boleh, kita mengumumkan secara umum.

**ANGKATAN TENTERA  
MALAYSIA—MENARIK  
PENYERTAAN**

**8. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk:

- (a) menarik minat pemuda-pemuda yang berbakat dan berdaya maju menjadi Pegawai Angkatan Tentera Malaysia;
- (b) meningkatkan prestasi pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia; dan

- (c) menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna untuk menjamin perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia mempunyai masa depan yang lebih bermakna.

Sejak tertubuhnya Angkatan Tentera Malaysia banyak pemuda-pemuda yang berbakat telah dapat dipujuk untuk menganggotainya. Ini dapat dilakukan atas kesedaran adanya musuh yang mengancam kedaulatan negara. Tetapi dewasa ini dengan perletakan senjata Parti Komunis Malaya ancaman terhadap kedaulatan negara tidaklah begitu ketara lagi. Ini mungkin tidak menarik minat muda-mudi kita dari menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Dengan demikian adalah menjadi harapan agar Kementerian Pertahanan dapat mengatur strategi yang baru untuk menarik bakat-bakat muda yang berpotensi menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) mungkin akan menimbulkan anggapan bahawa ancaman terhadap kedaulatan negara tidaklah begitu ketara lagi dan anggapan ini boleh menjejaskan minat pemuda-pemuda yang berbakat dan berdaya maju untuk menjadi pegawai Angkatan Tentera. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa, Kementerian Pertahanan sentiasa merancang dan mengatur strategi-strategi yang sesuai selaras dengan perkembangan-perkembangan baru yang wujud. Ini termasuk usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan profile ATM dengan menonjolkan peranan utamanya di dalam mempertahankan kepentingan-kepentingan negara dari ancaman luar.

Selaras dengan itu, perkembangan struktur dan keupayaan ATM juga akan dilonjokkan dengan menarik perhatian kepada kemasukan teknologi-teknologi serta alat kelengkapan dan persenjataan canggih yang memerlukan tenaga-tenaga kerja yang mahir serta berkualiti tinggi untuk berkhidmat dalam ATM. Di samping itu, ATM juga telah mengambil tindakan untuk memperkembangkan pentadbiran Pusat Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dan Persatuan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) bagi menarik minat pemuda-pemuda yang berbakat dan berdaya maju untuk menyertai kedua-dua organisasi ini sebagai langkah pertama sebelum memasuki ATM.

Selain dari strategi-strategi di atas, Kementerian Pertahanan juga sedang merancang untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan serta peluang-peluang untuk anggota ATM meningkat maju supaya dapat memberi, dengan izin, job satisfaction dengan menentukan anggota yang sedang berkhidmat di dalam ATM sentiasa bersemangat serta mempunyai dorongan yang tinggi. Antara tindakan yang telah diatur termasuk menyediakan Dasar Pendidikan Baru, Skim Graduan dan kajian penyusunan semula struktur dan perjawatan di dalam ATM.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan tambahan sahaja. Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

**Tuan Chong Chi Siong:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada dua soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Soalan tambahan (a), selain daripada kaum Melayu, mengapa kaum-kaum lain kurang minat menyertai Angkatan Tentera Malaysia, dan soalan tambahan (b) apa caranya Kementerian untuk

menarik minat kaum-kaum lain menyertai Angkatan Tentera Malaysia supaya membayangkan berbilang kaum di tanahair kita?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu mengapa kaum-kaum lain tidak minat menyertai Angkatan Tentera. Kita memberi layanan yang sama kepada semua permohonan, tidak kira daripada kaum mana pun. Tetapi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga memberikan kerjasama supaya menggalakkan lain-lain kaum selain daripada orang Melayu menyertai Angkatan Tentera supaya tugas mempertahankan negara ini dipikul bersama oleh semua rakyat negara ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap masyarakat umum mengikis satu fahaman bahawa Kerajaan tidak berminat untuk mengambil lain-lain kaum selain daripada orang Melayu menjadi Angkatan Tentera. Yang sebenarnya, Kerajaan berminat untuk menarik semua kaum menyertai Angkatan Tentera ini tidak mengira ataupun membezakan mana satu kaum.

## PROGRAM RADIO DAN TV

**9. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya memberikan perhatian kepada aspek-aspek yang berikut dan mengambil tindakan wajar terhadap konsep commercialisation program-program Radio dan TV yang lidak boleh dititikberatkan sangat, kerana ini adalah bertentangan dengan perkhidmatan RTM yang service-oriented kepada bangsa dan negara. Konsep commercialisation yang diamalkan dalam program Tamil sekarang menghadapi kerumitan untuk mendapatkan tajaan kerana peluang-peluang untuk mendapatkan tajaan bagi program Tamil terhad. Ditakuti bahawa

trend seperti ini akan mengurangkan program Tamil sedikit demi sedikit pada masa akan datang. Oleh yang demikian adakah Kementeriyan bercadang untuk menimbangkan semula konsep "commercialisation".

*1-3-91*

**Tuan C. Krishnan** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya akan menyiarkan drama Tamil tempatan kerana drama-drama import dari negara India tidak mencerminkan ciri-ciri kebudayaan, nilai, kepercayaan tempatan, dan juga bakat dan talent tempatan tidak mendapat pendedahan yang mencukupi.

**Setiausaha Parlimen Kementeriyan Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan pada lhb Mac, 1991 iaitu pada hari esok adalah berkaitan dengan perkara yang sama, saya mohon izin agar memberi jawapan pada soalan itu bersama dengan soalan beliau pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Jabatan Penyiaran menggalakkan konsep "commercialisation" program-program Radio dan TV untuk menambahkan hasil pendapatan melalui iklan, namun RTM tidak lari dari matlamatnya untuk menerangkan dan memberi liputan secara meluas dan mendalam mengenai dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan. Rancangan-rancangan bercorak pembangunan, pertanian, agama dan dakwah serta berita ehwal semasa seperti contoh masih lagi merupakan program service-oriented. Jabatan Penyiaran tidak berhasrat untuk commercialise program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan rancangan-rancangan Tamil sukar mendapat tajaan. Namun

demikian, ini tidak bererti RTM akan menghentikan tayangan program-program Tamil. RTM akan terus menayangkan program-program Tamil selagi ianya ada permintaan. Dasar ini akan dikekalkan kerana RTM menyedari bahawa rakyat Malaysia keturunan India adalah tetap rakyat negara Malaysia yang mempunyai haknya yang setara dengan rakyat Malaysia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan bahawa drama-drama Tamil yang diimport tidak mencerminkan ciri-ciri kebudayaan, nilai dan kepercayaan tempatan, seperti dengan drama-drama diimport dari Hongkong. Oleh itu, RTM bersedia untuk menayang drama-drama Tamil yang dihasilkan di negara kita, asalkan ianya mempunyai mutu yang boleh diterima dan kadar harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, untuk menegur sedikit bahasa-bahasa yang digunakan dalam soalan mulut yang dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebab kadang-kadang bahasa kita itu kita terjemahkan secara literal daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia dan kadang-kadang ianya tidak menepati maksud dan kadang-kadang mencemar Bahasa Malaysia. Saya hendak menunjukkan satu contoh ketara, extreme example, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya, kalau kita katakan Perdana Menteri Britain ialah John Major, Major dalam translation Melayunya ialah pangkat tentera, utama, ulung dan boleh juga sulung dan "John" mengikut kitab-kitab yang saya baca ialah "Yahya". Jadi, kalau kita katakan Perdana Menteri Britain ialah Yahya Sulung adalah satu perkara yang lain daripada maksudnya. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ada masa yang banyak

untuk memajukan soalan, saya harap dapat digunakan bahasa yang mudah difahami. Terima kasih.

## HAKISAN LAUT DAN SUNGAI

**10. Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga sekarang adakah pihak Kementerian Pertanian telah membuat kaji selidik di seluruh negara secara terperinci tempat-tempat hakisan laut dan sungai dan tempat-tempat perlu perparitan. Jika ada, di manakah negeri-negeri dan daerah-daerah yang terbabit.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai hakisan laut, Kerajaan telah melaksanakan Kajian Hakisan Pantai Negara, dengan izin, National Coastal Erosion Study, dari November, 1984 hingga Januari, 1986. Lanjutan dari itu, kajian-kajian terperinci juga telah dan sedang dijalankan bagi 42 kawasan pantai yang mengalami hakisan kritikal seperti berikut:

Perlis	3	kawasan
Kedah	7	"
Pulau Pinang	5	"
Perak	2	"
Selangor	6	"
Negeri Sembilan	1	"
Melaka	1	"
Johor	3	"
Pahang	4	"
Terengganu	4	"
Kelantan	1	"
Sarawak	2	"
Sabah	3	"

Mengenai hakisan tebing sungai, ianya merupakan satu kejadian semulajadi yang berlaku di hampir semua sungai di seluruh Malaysia. Ianya menjadi satu kebiasaan yang tidak dapat dielakkan sebelum sungai yang terlibat itu sampai ke regime yang stabil.

Setakat ini, Kerajaan belum membuat apa-apa kajian terperinci ke atas kawasan-kawasan hakisan tebing sungai di seluruh negara. Walau bagaimanapun, di mana masalah hakisan tebing sungai menjadi serius dan mengancam penghidupan penduduk-penduduk ataupun merosakkan kemudahan-kemudahan awam, Kerajaan telah melaksanakan projek-projek tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Sebagai contoh, dua projek yang telah dilaksanakan ialah di Kampung Kedai Buluh dan di Kampung Laut di Sungai Kelantan. Satu lagi projek yang kini di peringkat rekabentuk terperinci ialah di Teluk Intan di mana Sungai Perak sedang mengalami hakisan tebing yang serius. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian memohon peruntukan sebanyak \$40.5 juta untuk melaksanakan projek-projek melindungi tebing sungai.

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa mengesan masalah hakisan tebing sungai di seluruh negara. Memandangkan ianya merupakan suatu masalah serius, Kementerian Pertanian telah mencadangkan supaya bantuan Kerajaan Persekutuan diberi kepada setiap Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk memperkukuhkan lagi Program Pemeliharaan Sungai. Mengikut Perlembagaan, sungai-sungai adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Peruntukan sejumlah \$34.5 juta telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam oleh Kementerian Pertanian dan diharap masalah hakisan tebing sungai dapat dikawal.

Mengenai perparitan ianya terdiri dari dua kategori iaitu projek saliran bagi kawasan-kawasan pertanian dan projek saliran bagi kawasan-kawasan bandar. Objektif projek-projek saliran pertanian ialah untuk mengawal paras muka air tanah serta membuang air yang berlebihan di permukaan bumi

supaya dapat mencapai hasil pengeluaran tanaman-tanaman yang tinggi. Sebaliknya projek-projek saliran bandar bertujuan mengatasi masalah saliran bandar yang kurang sempurna supaya dapat melindungi tanah-tanah yang bernilai tinggi serta mewujudkan alam sekeliling yang sesuai bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Setakat ini Kerajaan telah melaksanakan banyak projek saliran pertanian serta projek perparitan bandar di seluruh negara melalui program-program tertentu. Perbelanjaan sebanyak \$89.2 juta dan \$147.5 juta telah dibuat untuk program saliran pertanian dan saliran bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pertanian telah mencadangkan peruntukan sebanyak \$418.6 juta bagi program saliran pertanian dan program saliran bandar. Adalah diharapkan perbelanjaan ini akan terus akan menyumbang kepada program-program negara baik di kawasan-kawasan pertanian mahupun di kawasan-kawasan bandar.

#### **HALACARA BARU— PELAKSANAAN DASAR**

**11. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah pelaksanaan dasar "Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar" telah dicapai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pencapaian halacara baru sebagai satu strategi pembangunan kawasan luar bandar semenjak pelancarannya dalam tahun 1984 adalah amat menggalakkan. Pencapaian ini dibuat berdasarkan kepada tiga

aspek utama dalam pembangunan luar bandar iaitu:

- (i) pemodenan pertanian;
- (ii) peningkatan dalam perusahaan luar bandar; dan
- (iii) "pembandaran" kawasan luar bandar.

Dari segi pemodenan pertanian adalah diperhatikan bahawa penguasaan kawasan pertanian secara estet komersial dengan pemakaian peralatan pertanian yang moden telah mula mendapat sambutan yang baik di kalangan petani-petani. Umpamanya di Kampung Sawah Sempadan, Kuala Selangor di mana lanah-tanah terbiar di kawasan tersebut telah dipulihkan dan tanah-tanah pertanian telah diurus secara estet dan komersial. Ini menunjukkan berlakunya perubahan sikap di kalangan petani-petani untuk menjadikan pertanian sebagai satu pelaburan yang boleh mendatangkan hasil yang tinggi.

Melalui halacara baru juga telah berjaya mewujudkan usahawan-usahawan luar bandar melalui pendedahan kepada aktiviti ekonomi moden dengan meningkatnya penglibatan mereka dalam industri-industri kampung yang kecil. Antara industri yang dijalankan ialah pemeroscsan bahan-bahan tempatan seperti tembikar, mengkuang dan buluh, industri pemeroscsan bahan makanan dan lain-lain. Begitu juga dengan pemodenan atau pembandaran kawasan luar bandar melalui program pembangunan infrastruktur kawasan-kawasan luar bandar telah diberi kemudahan asas seperti jalan-jalan, bekalan air, elektrik, telefon dan lain-lain kemudahan awam. Ini telah menjadi asas kepada pembangunan Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) bagi memperbandarkan kawasan luar bandar di bawah konsep halacara baru.

Melalui proses perbandaran ini, kampung-kampung ini akan jadi lebih tersusun dengan kemudahan asas dan awam yang dipertingkatkan di samping menjadikan kampung tradisi lebih menarik dan menguntungkan. Oleh yang demikian, Yang Berhormat, halacara baru ini bukan sahaja dapat membantu penduduk kawasan luar bandar dan petani menambah pendapatan mereka tetapi juga berjaya menerapkan nilai-nilai ekonomi moden, perubahan sikap dan pandangan petani yang lebih positif bagi menyahut seruan Kerajaan dan untuk mencapai matlamat halacara baru.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah dasar ini dapat menyekat penghijrahan belia-belia daripada kampung ke bandar. Setakat manakah kekesan dasar ini terhadap penghijrahan ini?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Ini adalah satu daripada ikhtiar Kerajaan untuk menyekat penghijrahan belia-belia yang berpendidikan daripada luar bandar ke bandar-bandar. Tetapi ini bukan bermakna ini adalah satu sahaja daripada cara kita mengekalkan belia untuk terus berada di luar bandar.

#### **SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN/JENIS KEBANGSAAN—PEMBINAAN**

**12. Datuk Tiong Hiew King** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa jumlah Sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan yang baru atau jumlah bilik baru bagi kedua-dua jenis Sekolah Rendah di seluruh Malaysia (dan di negeri Sarawak) telah dibina setiap tahun dalam tempoh lima tahun yang lepas, dan akan dibina dalam tahun 1991. Berapa

jumlah wang telah dan akan diperuntukkan untuk projek-projek tersebut;

- (b) apakah Kerajaan akan menimbang memperuntukkan jumlah wang secukupnya bagi pembinaan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan atau pembaharuan/pembaikan/penambahan bilik-bilik sekolah rendah itu setiap tahun; dan
- (c) apakah Kerajaan akan menimbang menyediakan peruntukan wang bantuan bagi Sekolah-sekolah Menengah "Persendirian".

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pendidikan telah membina 185 buah Sekolah Rendah yang baru dengan 2,640 bilik darjah di seluruh negara yang melibatkan perbelanjaan berjumlah \$165.1 juta. Daripada jumlah tersebut, 180 buah sekolah adalah Sekolah Rendah Kebangsaan dan lima buah adalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Bilangan sekolah baru yang dibina mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 1966, 58 buah Sekolah Rendah Kerajaan dengan bilik 892 telah dibina yang bernilai \$52.2 juta.
- (ii) Tahun 1987, 36 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dengan 467 bilik darjah telah dibina dan kosnya adalah \$29.2 juta. Manakala Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) pula, sebuah dengan

bilangan bilik darjah sebanyak 15 buah dan kos bernilai \$700,000.

- (iii) Pada tahun 1988, 75 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dengan 1,078 buah bilik darjah telah dibina yang menelakan kos sebanyak \$73 juta.
- (iv) Pada tahun 1989, 7 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dengan 90 buah bilik darjah telah dibina dan kosnya adalah sebanyak \$4.9 juta. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) pula 3 buah dan bilangan bilik darjah 33 buah dengan kosnya \$1.6 juta.

- (v) Pada tahun 1990, 4 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dengan 58 buah bilik darjah telah dibina yang menelan kos \$3 juta. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) pula sebuah dengan bilangan bilik darjah 7 buah dan kosnya adalah \$460,000. Bagi Negeri Sarawak khasnya sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan yang baru telah dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima yang melibatkan kosnya sebanyak \$222,000. Jumlah bilik darjah bagi sekolah tersebut adalah 12 buah. Di samping itu, sejumlah 248 projek tambahan dan termasuk gantian yang meliputi 953 bilik darjah telah dibina dengan kos \$13.5 juta. Jadi ini berjumlah bilik darjah yang dibina di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah

sebanyak 965 buah. Dari jumlah tersebut 756 buah bilik darjah adalah Sekolah Rendah Kebangsaan manakala baki-nya 209 buah adalah bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Untuk tahun 1991, sepertimana yang kita telah maklumkan dalam Belanjawan baru-baru ini peruntukan yang disediakan bagi pendidikan rendah adalah merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Kelima yang melibatkan perbelanjaan \$14.5 juta.

- (b) Kementerian Pendidikan akan sentiasa menimbangkan peruntukan sebanyak mana yang boleh bagi kita mengadakan pembaharuan, pembaikan dan penambahan bilik-bilik di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di seluruh negara di setiap tahun. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$36.1 juta telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan 653 projek pembaharuan, pembaikan dan penambahan bilik darjah di sekolah-sekolah berkenaan. Jadi sebenarnya penyediaan peruntukan bagi pembinaan sekolah-sekolah persendirian adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Pengurus sekolah berkenaan sendiri.

#### **UNIT PEMBANGUNAN USAHAWAN**

**13. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah fungsi Unit Pembangunan Usahawan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, semasa diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Unit ini telah berfungsi sebagai penyelaras dalam aspek-aspek pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi melaksanakan latihan perniagaan untuk kakitangan Kerajaan, mengenalpasti idea-idea baru dalam pembangunan usahawan, menyelaras projek peniaga kecil, projek hentian lebuhraya, pembangunan sistem franchise dan peruncit, mengesan pencapaian bumiputera dalam bidang perdagangan dan perusahaan serta mengadakan tindakan susulan terhadap bekas peserta latihan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berpindahnya Unit Pembangunan Usahawan ke Kementerian Perusahaan Awam, fungsi lamanya akan terus dilaksanakan tetapi ditambah dengan keperluan-keperluan lain selaras dengan matlamat mewujudkan usahawan yang berkualiti, mampu bersaing, berkembang dan berterusan.

Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian telah dan akan bekerjasama dengan pakar-pakar dan ahli-ahli profesional untuk mendapatkan idea, cadangan, pandangan dan perakuan bagaimana matlamat ini boleh dicapai. Setakat ini, Kementerian telahpun melantik sebuah Panel Khas yang dianggotai oleh pakar-pakar di kalangan agensi Kerajaan, swasta serta universiti. Perbincangan-perbincangan dengan usahawan-usahawan sendiri akan terus diadakan bagi mendapatkan maklumbalas mengenai masalah-masalah dan isu-isu yang perlu mendapat penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian bagi menjadikan Unit ini sebagai Pusat Rujukan dalam perkara-perkara yang



berkaitan dengan pembangunan usahawan serta mengadakan hubungan dengan persatuan-persatuan perniagaan bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi serta menyediakan program ke arah mengadakan usahawan yang berkualiti itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, semua soalan telah dijawab dan sekarang kita terus pergi ke Urusan yang lain.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (27hb Februari, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyambung ucapannya.

3.34 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini ada juga pindaan di bawah perkara (e) seperti berikut:

- (e) Pengecualian daripada dilesenkan. Fasal 23 Rang Undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 38A untuk memberi Menteri kuasa mengecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang boleh dikenakan olehnya, mana-mana orang yang mempunyai lesen untuk

memasang atau mengerjakan radiokomunikasi yang dikeluarkan oleh negara-negara yang mempunyai hubungan bersaling dengan Malaysia melalui satu triti mengenai lesen-lesen sedemikian daripada kuatkuasa seksyen 38.

Seksyen 37 yang sedia ada memperuntukkan mengenai kuasa Menteri untuk mengeluarkan lesen dalam bidang telekomunikasi dan radiokomunikasi. Seksyen 38 yang sedia ada memperuntukkan syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada lesen-lesen tersebut. Pindaan adalah dibuat untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dia boleh kenakan, mana-mana orang yang mempunyai lesen untuk memasang atau mengerjakan radiokomunikasi yang dikeluarkan oleh negara yang mempunyai hubungan bersaling dengan Malaysia melalui satu perjanjian mengenai lesen-lesen tersebut daripada seksyen 38.

- (f) Penguatkuasaan dan penyiasatan. Pasal 27 Rang Undang-undang bertujuan memasukkan Bahagian baru VI berhubung dengan penguatkuasaan dan penyiasatan oleh pegawai-pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Pada masa ini, pegawai Jabatan Telekom Malaysia membantu pihak Polis dalam menguatkuasakan Akta Telekomunikasi. Dengan adanya Bahagian baru ini, pegawai-pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa akan mempunyai kuasa penyiasatan untuk memastikan penguatkuasaan Akta yang berkesan.

Satu Bahagian yang baru iaitu Bahagian VI, seksyen 44 hingga 50 mengenai penguatkuasaan adalah dicadangkan dalam pindaan ini dengan tujuan utama untuk memperkemas Peraturan dan Undang-undang Telekomunikasi yang ada sejajar dengan peranan Jabatan Telekom Malaysia sekarang sebagai Badan Kawalselia Telekomunikasi di negara ini.

Peruntukan di Bahagian VI ini akan membolehkan pegawai-pegawai Telekom yang diberi kuasa menjalankan tugas penguatkuasaan seperti menyiasat kesalahan yang dilakukan di bawah Akta masuk dengan waran atau sebaliknya mana-mana premis di mana kesalahan telah dilakukan serta menjalankan pendakwaan di mahkamah. Sehingga kini pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia tidak mempunyai kuasa undang-undang secukupnya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Pegawai Penguatkuasaan di Badan Kawalselia.

Peraturan 19 iaitu Peraturan Radio-komunikasi memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Telekomunikasi memasuki dan memeriksa apa-apa alat telekomunikasi. Tindakan-tindakan yang diambil sekarang hanya bergantung kepada kesediaan dan kemampuan pihak Polis sahaja.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting bagi pihak Kerajaan mempunyai kuasa yang secukupnya bagi memastikan pengawalseliaan ke atas sektor telekomunikasi dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya demi menjamin pembangunan, perkembangan sektor telekomunikasi yang sihat dan teratur. Itulah sahaja hasrat Kerajaan dalam membuat pindaan-pindaan ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato Dr K. S. Nijhar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

3.37 *ptg.*

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 yang akan menjadi Akta yang dinamakan Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, komunikasi merupakan suatu yang penting dalam hidup manusia sejak dari mula mereka menjadi penghuni dunia ini. Komunikasi mula digunakan hinggalah ke hari ini selagi manusia itu wujud di alam ini. Cuma bentuk perhubungan itu sahaja yang berbeza dari masa ke semasa.

Di zaman dahulu perhubungan dibuat melalui surat sahaja atau percakapan dari mulut ke mulut, sama ada percakapan itu berita untuk keluarga, rahsia untuk penggunaan DiRaja bagi sesuatu pemerintahan. Mereka membawa surat berbatu-batu, berjalan meredah hutan belantara, membelah samudera luas semata-mata untuk menyampaikan titah DiRaja, dipalu canang memanggil, mengumpul rakyat jelata untuk mendengar Titah DiRaja.

Bagi rakyat biasa apabila ada kenduri-kendara majlis perkahwinan, ibubapa ataupun wakil-wakilnya pergi dari rumah ke rumah menjemput dengan penuh adat tradisi. Tetapi pada

hari ini segala-galanya telah berubah setelah bentuk komunikasi kita menempuh alam baru. Dengan adanya bot laju, kereta, kapalterbang dan telefon, segala-galanya cepat, ringkas dan menjimatkan masa.

Telefon yang dulunya dianggap barang mewah, tetapi hari ini ianya adalah merupakan barang keperluan yang amat penting di zaman moden ini. Kalau dahulu meredah hutan berbatu-batu, membelah samudera yang bergelora, berhari-hari dalam perjalanan semata-mata untuk menyampaikan sebuah berita, sekarang ini hanya beberapa saat sahaja berita dapat disampaikan melalui telefon. Jemputan kenduri dibuat melalui telefon, panggilan mesyuarat segera pun dibuat dengan telefon, hingga homework anak-anak kita hari ini di sekolah juga dibuat dengan telefon. Begitulah pentingnya telefon, Tuan Yang di-Pertua, kepada masyarakat moden hari ini.

Anak-anak muda menggunakan telefon untuk menggoda anak-anak gadis, ada yang bergayut di telefon berjam-jam menyampaikan hasrat hati asmaradana, mengganggu pula orang lain yang hendak menggunakan telefon, kerana gejala-gejala kemudahan yang begitu moden yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, telefon memainkan peranan yang penting kepada masyarakat moden hari ini. Ada orang yang juga mencari jodoh melalui telefon. Melalui gagang telefon juga mereka menjatuhkan talak kepada sesuatu ikatan perkahwinan. Kebanyakan tempat telefon ada di mana-mana, di pejabat, di rumah, di kedai, di tepi jalan, di bilik mandi hingga ke reban-reban ayam pun ada telefon. Mengapa tidak? Kalaulah mereka menternak ayam beribu-ribu ekor, tentulah memerlukan pasaran dan pasaran ini kemudahannya ialah dengan melalui telefon.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan telefon mempunyai peranan yang amat penting, seribu satu macam untuk kebaikan dan juga sebaliknya. Daripada telefon yang dipasang talian secara terus ke rumah-rumah hinggalah kepada telefon yang berbentuk bcrbagai-bagai, kepada alat lebih moden seperti telefon ATUR di kenderaan-kenderaan dan juga di mana-mana sahaja terdapat kemudahan telefon ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, setelah Telekom ini diswastakan, saya ingin menyentuh kepada Kementerian yang berkenaan, adakah keselamatan bagi sesuatu rahsia Kerajaan terjamin, kerana melalui telefon ini, saya rasa hubungan antara jabatan dengan jabatan lebih-lebih lagi antara pihak anggota tentera dan polis yang sentiasa menggunakan telefon itu untuk berhubung dan apakah jaminan segala rahsia-rahsia atau maklumat-maklumat yang disampaikan itu tidak terlepas ke tangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang boleh merosakkan ataupun menggagalkan sesuatu program yang telah diatur oleh pihak keselamatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada setelit bumi di Kuantan dan kita dapat menerima semua sumber perhubungan daripada luar negeri. Adakah jaminan daripada pihak-pihak berkenaan ini segala maklumat yang kita dapat itu tidak terlepas ke tangan orang lain, kerana teknologi yang kita gunakan hari ini ialah bukan daripada negara kita, malahan kita dapat daripada negara-negara asing termasuklah negara Jepun dan negara-negara yang termaju dan kita bimbang keselamatan negara kita terdedah kepada perisik-perisik luar yang apabila berlaku sesuatu kecemasan atau ada niat-niat yang tidak baik untuk menakluk negara kita—apa yang kita telah dengar Kuwait ditawan dalam masa yang tak berapa jam—saya rasa segala perancangan yang dibuat begitu teliti dan

kalau sekiranya kita tidak berhati-hati, saya bimbang keselamatan ataupun rahsia-rahsia kita akan bocor ke pihak musuh.

Begitu juga dalam membanteras gejala-gejala jenayah dalam negara ini termasuklah kerja-kerja menyceudup yang begitu moden sekarang ini menggunakan alat komunikasi yang sofistikated di mana terdapat beberapa kawasan yang telah ditentukan, yang tclahpun disenaraikan oleh pihak keselamatan, kadang-kadang mereka dapat menyeludupkan barang yang berjuta-juta ringgit yang melibatkan kehilangan hasil negara. Ini semua saya rasa adalah menyentuh kepada tanggungjawab di bidang penguatkuasaan kita, sejauh mana kita boleh dapat mencegah daripada unsur-unsur ini supaya tidak ada perbuatan menggunakan alat hubungan komunikasi yang moden ini boleh merosakkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat di atas pindaan yang telah disebutkan dalam Pasal 19 bertujuan memasukkan seksyen baru 31A dan 31B bagi membuat peruntukan tentang kemasukan dengan waran atau sebaliknya ke mana-mana premis oleh pegawai-pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Apa juga jenis alat-alat yang hendak dibawa masuk ke negara kita hendaklah benar-benar mendapat jaminan, benar-benar mendapat kepastian daripada pegawai penguatkuasa supaya tidak ada orang menyalahgunakan kebenaran yang diberi kepada mereka untuk memberi kemudahan kepada sesuatu perhubungan.

Begitu juga dengan Pasal 22 bertujuan meminda seksyen 38 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran 1988 untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat penerima siaran radio atau alat penerima siaran televisyen atau mana-mana orang yang dikecualikan di

bawah seksyen 15 Akta itu tidaklah perlu rmemperolehi lesen di bawah seksyen 37(1) untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat-alat penerima sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mendengar satu penerangan daripada salah seorang bekas Menteri Penerangan di mana untuk kita mendapatkan siaran dari benua ke benua atau dari negara ke negara menggunakan salu alat yang dinamakan disc antenna. Alat ini boleh menerima semua siaran televisyen di luar-luar negeri. Apa yang saya ingin menarik perhatian kita bahawa apa yang dimaklumkan, siaran-siaran luar negri itu biasanya tidak sesuai ditonton oleh masyarakat di negara kita dan kadangkala siaran itu bertepatan pula kalau di negara asing itu mungkin dalam pukul 10.00 pagi, tetapi di negara kita mungkin juga dalam pukul 2.00 pagi. Apabila siaran ini kita terima melalui disc antenna tadi, maka akan terdapatlah kita siaran-siaran seperti filem-filem yang tidak ditapis dan kalau tontonan ini ditonton oleh anak-anak muda kiiia, maka gejala-gejala keruntuhan moral akan menjadi satu masalah kepada negara kita.

Jadi, seksyen ini saya rasa memberi peruntukan kepada Kementerian berkenaan supaya menghalusi dan mengkaji supaya jenis-jenis alat-alat ini tidak semudah itu dibenarkan dan tidak semudah itu pula untuk pihak-pihak yang berkenaan untuk menggunakannya. Kita bimbang kalau ini berleluasa sedangkan kita saban hari mempersoalkan moral dan akhlak anak-anak kita dan saban hari apabila Dewan ini bersidang, tumpuan kita kepada Kementerian Penerangan sentiasa mempersoalkan siaran-siaran yang dibuat oleh Kementerian Penerangan yang tidak begitu sesuai dengan filem-filem yang bercorak ganas, yang bercorak mendidik anak-anak kita kepada gejala-gejala yang tidak sihat. Kalau jenis alal ini berleluasa di negara

kita nanti, saya rasa kawalan yang kila katakan itu tidak akan dapat dilakukan. Jadi, saya berharap supaya Kementerian akan bersungguh-sungguh memikirkan supaya dalam mengejar alat perhubungan moden ini, kita tidak terjebak dengan hal-hal yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 38A yang memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang boleh dikenakan olehnya, mana-mana orang yang mempunyai lesen yang memasang atau mengerjakan radio komunikasi yang dikeluarkan oleh negara yang mempunyai hubungan bersaling dengan Malaysia melalui suatu triti mengenai lesen-lesen sedemikian daripada kuatkuasa seksyen 38.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyetujui soal daripada pihak-pihak luar tetapi saya ingin menarik perhatian juga kepada pemborong-pemborong tempatan kita. Terdapat rungutan-rungutan ataupun suara-suara yang tidak sedap kita dengar mengatakan bahawa beberapa syarikat gergasi dalam mengendalikan kerja-kerja telekomunikasi ini seolah-olah monopoli kerja-kerja bidang memasang telefon, menyediakan alat-alat telefon di mana pemborong-pemborong kecil tidak berpeluang diberi sama untuk dapat membuat kerja-kerja bersabit dengan hal-hal pemasangan kemudahan telefon. Melalui Akta ini juga saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya pemborong-pemborong yang kelas rendah supaya dapat sama-sama juga menikmati peluang-peluang untuk menjalankan kerja-kerja ataupun membekalkan alat-alat telefon di mana kemudahan ini disediakan di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 24 bertujuan menambah hukuman bagi mana-mana orang yang bersalah kerana

menubuhkan sesuatu stesen radiokomunikasi atau mengerjakan apa-apa alat radiokomunikasi tanpa lesen. Kita telah mendengar bahawa ada stesen-stesen radio haram yang menjalankan propaganda-propaganda, yang menentang dasar Kerajaan. Bukan itu sahaja, kerja-kerja siaran haram ataupun stesen haram ini menabur fitnah kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan. Bidang penguatkuasa Kementerian ini seharusnya bekerja keras untuk menghentikan ataupun menghapuskan siaran ini kerana sehingga ini saya rasa masih ada lagi stesen-stesen haram ini dibuat yang hingga ini saya kira ada yang tidak dapat dikesan lagi.

Semasa saya menjadi Pegawai Penerangan Khas, saya pernah dibawa ke suatu kawasan di mana di sana ada satu stesen untuk memintas stesen-stesen haram daripada dalam negeri ataupun luar negeri dan di situ memang kita dapat banyak berita-berita yang dibuat memang semata-mata untuk tujuan memburuk-burukkan Kerajaan kita. Dan kadang-kadang berita itu orang-orang tempatan sendiri tidak tahu tetapi dalam siaran haram itu begitu sekali digambarkan seolah-olah keadaan yang berlaku itu begitu mendesak sekali dan terpaksa pula polis membatalkan cuti kepada anggota-anggotanya, seolah-olah ada satu perkara besar akan berlaku di kawasan itu. Ini semua adalah dibuat oleh stesen-stesen haram ini untuk menaburkan fitnah dan propaganda yang semata-mata untuk mengancam keselamatan negara kita. Dengan adanya penguatkuasaan ini, saya rasa Kerajaan akan dapat bertindak dengan lebih tegas. Kalau ada maklumat-maklumat disampaikan, ada tempat-tempat yang kita ragukan seharusnya pihak Kerajaan tidak berlengah-lengah lagi menjalankan tindakan segera dan menghapuskan kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 25 memberi kuasa kepada penguatkuasa supaya dapat menyerbu kawasan-kawasan, tempat-tempat yang disyaki dengan tanpa waran. Saya rasa memang sudah sampai masanya dan sudah memang sesuai pindaan ini dibuat kerana selagi kuasa itu tidak ada dan kita menunggu arahan atau menunggu tindakan lanjut, kadang-kadang musuh yang hendak kita berkas itu sehinggakan dapat menghilangkan diri kerana tidak ada satu kuasa kebenaran undang-undang yang memberi kuasa penuh kepada pegawai itu untuk bertindak segera. Saya rasa pindaan ini memang sangat perlu dan sangat mustahak bagi kita jalankan untuk mengatasi hal-hal yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di sini saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat di atas Perkara 52 (3), apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka suatu Usul iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang akan dikeluarkan dan bolehlah diadakan perubahan meliputi asas dan buruk baik undang-undang. Maka pada masa sekarang tidak payahlah menyentuh perkara-perkara hanya dalam Jawatankuasa sahaja. Pada masa sekarang bahas tentang amnya sahaja.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya dalam membahaskan peraturan Rang Undang-undang ini, saya sukalah menyentuh berhubung dengan peruntukan-peruntukan bagi mengadakan sesuatu talian telefon ke kawasan-kawasan yang berkenaan. Saya ingin mengemukakan di sini kepada Kementerian yang berkenaan supaya ibusawat-ibusawat telekom ini dibanyakkan lagi di kawasan-kawasan luar bandar walaupun sekarang ini

usaha-usaha untuk membanyakkan ibusawat ini telahpun dimulakan tetapi masih terdapat kekurangan-kekurangan yang saya lihat. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, di Johor umpamanya, ada kawasan-kawasan yang patut ada ibusawat tetapi masih .....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, Akta yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bukan Akta atas Syarikat Telekom Malaysia (STM). Ini tidak ada apa-apa kaitan berkenaan dengan pembekalan telefon, ibusawat dan lain-lain. Ini berkenaan dengan Jabatan Telekom Malaysia iaitu satu badan untuk mengawalselia telekomunikasi di dalam tanahair kita. Saya percaya lebih baik kita ucap dalam sempadan yang kita mempunyai melalui Akta yang telah dibentangkan oleh saya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka diharap Yang Berhormat ikutlah.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya faham dalam soal kawalselia tadi, tetapi dalam hal-hal ini saya merayulah dalam membahaskan ini sedikit-sebanyak untuk mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri kerana soal-soal yang saya katakan tadi juga adalah berhubungkait dengan masalah telekom.

Di segi menyediakan walaupun undang-undang ini mengawalselia, tetapi saya berharap penyeliaan itu berkaitan jugalah dengan menyediakan kemudahan telefon kepada orang ramai. Jadi bukan setakat undang-undang itu sahaja, tetapi kemudahan seliaan itu juga harus kita fikirkan.

Saya ingin menarik perhatian, kalau saya tidak menyebutkan hal ini saya rasa tidak ada saluran yang saya

hendak katakan, di mana saya hendak menyampaikan hal-hal yang seumpama ini. Jadi, dalam menyeliakan kerja-kerja ini saya harap kawasan-kawasan di FELDA-FELDA umpamanya, yang masih kekurangan ataupun talian yang sepatutnya ditambah satu, misal kata di Bukit Besar, talian yang ada setakat 1,000 talian, tetapi kita perlu lebih dari itu sekurang-kurangnya 5,000 talian lagi kerana banyak sangat permohonan.

Saya sudah katakan tadi di zaman moden ini penggunaan telefon itu penting, dia merupakan alat komunikasi yang penting kepada masyarakat hari ini. Jadi, bukan sahaja di segi menguatkuasakan undang-undang menyeliakannya tadi, tetapi menyediakan kemudahan kepada masyarakat itu adalah satu tanggung-jawab kepada Kementerian yang berkenaan. Jadi saya merayulah Yang Berhormat Menteri kerana setelah STM ini diswastakan, saya tengok pentadbirannya memang elok, baik daripada dahulu.

Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah pun sudah mengatakan, dahulu kita tidak dapat balik duit kita, sekarang pun sudah dipulangkan. Ini satu penyeliaan yang elok saya rasa dari Kementerian ini. Untuk ini, kami merayu supaya diperelokkan lagi. Cuma ada satu dua saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan baru-baru ini banyak pengguna-pengguna telefon terperanjat kerana mereka diberi amaran yang begitu singkat, dan untuk memasang balik telefon itu terpaksa membayar \$50, kalau tidak telefon mereka tidak akan disambung balik. Ini juga saya rasa satu kawalselia yang harus difikirkan sebab kalau kita pergi kepada elektrik, untuk disambung balik kita kena membayar dalam \$3-\$4 sahaja, tetapi syarikat telekom ini kita kena membayar \$50.

Saya rasa perkara ini haruslah mendapat penimbangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya dikaji balik, kalau lebihan bayaran tadi boleh dipulangkan balik, mengapa tidak dikurangkan \$50 kepada lebih rendah lagi? Maklumlah orang-orang kampung yang baru dapat telefon ini merasa begitu seronok sekali, kadang-kadang terlebih dia punya meter, dan terlupa pula bahawa kalau tidak bayar dalam jangka ini telefon akan dipotong dengan serta-merta dan kalau tidak letak \$50 telefon tidak akan disambung balik.

Saya mintalah supaya dipertimbangkan jumlah \$50 itu dapat dikurangkan kadarnya, supaya dapat memberi peluang kepada pengguna-pengguna dan tidak menjadi beban kepada mereka dengan sebab begitu ghairah hendakkan mendapat telefon tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya kira cukuplah sekadar ini untuk saya membahaskan Rang Undang-undang ini, dan saya sekali lagi menyokong penuh semua pindaan yang ada ini supaya dapat dilaksanakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

*4.05 ptg.*

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat beberapa perhatian (observation) mengenai masalah mengawalselia bidang telekomunikasi di tanahair kita.

Saya sangat kagum dan bangga dengan perkembangan telekomunikasi di tanahair kita sekarang. Perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh negara kita dalam bidang telekomunikasi sekarang sudah sampai ke tahap di mana kita hampir-hampir sama dengan negara-negara yang telah maju, dan kerana kejayaan itu kita telah mendapat perhatian yang agak baik daripada luar negeri, yang memungkinkan ramai orang datang ke sini, bukan sahaja untuk melabur malahan untuk beristirahat kerana didapati hubungan di antara negara ini dengan negara asal mereka begitu baik sekali.

Dalam perkembangan telekomunikasi yang begitu pesat, yang menimbulkan satu keadaan revolutionary di seluruh dunia, malahan kerana perkembangan telekomunikasi yang begitu pesat di seluruh dunia, perkembangan ini telah mencetuskan perubahan-perubahan yang mendadak di kebanyakan negeri, sama ada di sebelah sini ataupun di sebelah negara-negara yang selama ini tertutup. Sekarang tidak ada sebuah negeri yang boleh memisahkan dirinya daripada perkembangan di tempat-tempat lain, dunia sekarang sudah menjadi satu kampung, the global village, hasil daripada perkembangan teknologi yang begitu canggih.

Dengan kecanggihan perkembangan teknologi ini, saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan yang akhir-akhir ini sudah tidak lagi terlibat secara langsung dalam operasi telekomunikasi, tetapi terlibat sebagai organisasi yang mengawalselia perkembangan ini. Sejauh manakah pihak Kerajaan bersedia dalam konteks perkembangan teknologi yang begitu canggih, kerana sepertimana yang disebut-sebutkan oleh Yang Berhormat kawan saya sekejap tadi, perkembangan teknologi ini akan membawa ke rumah-rumah kita maklumat-maklumat, gambar-gambar yang terakhir, yang berlaku di

seluruh dunia, yang boleh mempengaruhi sikap bukan sahaja orang-orang yang berkemampuan, sebab saluran yang terdapat ini tidak lagi terbatas kepada mereka yang berada sahaja. Melalui kaca-kaca televisyen, melalui video, melalui telefon, mesin FAX, Telex dan sebagainya maklumat masuk ke tiap-tiap rumah dengan begitu mudah dan cepat.

Sejauh manakah pihak Kementerian sesudah menswastakan STM sekarang menyediakan dirinya untuk mengawal perkembangan ini supaya bukan bertujuan untuk tightened, untuk mengetat, mengongkong perkembangan teknologi, tetapi untuk menyalurkan kemudahan yang baru ini supaya dapat dinikmati oleh sebanyak mungkin rakyat di negara kita demi untuk kemajuan dan juga untuk mendekatkan lagi manusia sesama manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Yang Berhormat rakan saya tadi bimbang takut-takut Kerajaan akan melonggarkan kawalan ke atas pemilikan disk antenna, saya berpendapat sebaliknya. Saya rasa negara kita mahu tidak mahu, lambat-laun akan terpaksa membenarkan orang biasa mengguna disk antenna untuk menerima isyarat-isyarat dari satelit-satelit yang berkisar di angkasa lepas untuk menerima maklumat-maklumat yang canggih dari seluruh dunia. Apakah kita tidak merancang satu cara untuk menghadapi kemungkinan ini? Kalau kita pergi ke Indonesia kita dapati Televisyen Malaysia lebih popular daripada Televisyen Indonesia sendiri.

Sekarang kita ketahui di Hong Kong misalnya, sebuah firma Hong Kong melancarkan satelit sendiri untuk kegunaan komersial—Asia Sat 1 dan tidak lama lagi akan melancarkan Asia Sat yang ke 2. Ini semua membolehkan manusia menerima maklumat-maklumat yang terkini sepertimana



berlaku dalam perang Teluk sekarang, images, gambar-gambar yang dahsyat masuk ke rumah kita, menyedarkan manusia betapa merosakkan, betapa buruknya peperangan itu. Kalau boleh dimanipulasikan demi untuk kebaikan negara, maklumat-maklumat ini boleh disusun sedemikian rupa untuk menimbulkan kesedaran dan keinsafan di kalangan rakyat supaya tidak gila-gila mahu menyertai peperangan seperti menghantar sukarelawan ke Timur Tengah. Kalau mereka mendapat maklumat-maklumat yang tepat, gambar-gambar yang betul melalui televisyen, melalui sistem telekomunikasi kita, sudah pasti ramai lagi orang akan insaf tentang apa yang berlaku di Timur Tengah. Dengan demikian mereka tidak mahu peperangan lagi.

Saya berpendapat maklumat-maklumat yang begitu banyak, yang berkisar di tempat-tempat lain seharusnya dapat digunakan oleh rakyat Malaysia sepertimana yang dapat digunakan di Eropah, di Amerika dan di negara-negara maju yang lain. Saya ingin tahu sejauh manakah Kementerian Yang Berhormat sedang merancang untuk memastikan maklumat-maklumat yang terakhir ini akan dapat digunakan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia "at the push of a button," dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini, saya ingin tahu juga sejauhmanakah Kementerian Yang Berhormat Menteri akan memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan perkembangan ekonomi negara, dalam membolehkan rakyat Malaysia yang menceburkan diri dalam bidang business di peringkat antarabangsa mendapat maklumat yang terkini dalam semua aspek supaya dapat membantu mereka dalam proses pembikinan keputusan, "decision-making process" dalam business. Apakah maklumat-maklumat yang diperlukan oleh firma-firma Malaysia

dapat dibekalkan dengan secepat mungkin? Apakah ini akan diserahkan kepada STM ataupun didaya-usahakan atau diiniatekan oleh Kementerian Yang Berhormat supaya kita akan dapat maklumat-maklumat yang saya sebutkan tadi untuk membolehkan kita mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan kita mengikuti perkembangan dalam bidang ini dan juga menikmati daripadanya dengan secepat mungkin adalah kritikal kepada perancang negara di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan yang pesat dalam mereka alat-alat teknologi moden seperti chips, Malaysia juga akan menempuh arus perkembangan teknologi canggih dan tinggi ini dengan cepat. Apakah pihak Kerajaan kita sekarang ini melalui organisasi-organisasi ataupun melalui research and development seperti yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu itu akan meletakkan Malaysia di tahap persaingan yang menjamin masa depan kita? Apakah kita tidak akan tertinggal kalau dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura? Apakah Kementerian Yang Berhormat berasa puas hati dengan persediaan yang ada sekarang supaya kita tidak kalah di dalam persaingan yang diharapkan oleh pihak perancangan kita, terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh itu saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri tentang persediaan-persediaan untuk menghadapi zaman teknologi information ini yang sudah pasti akan mempengaruhi keupayaan kita untuk bersaing di dalam arena politik, perdagangan dan lain-lain lagi di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Hamid.

4.05 *ptg.*

**Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang ini untuk saya bangun bagi menyertai perbahasan bagi menyokong suatu usul yang bernama Rang Undang-undang Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1991 di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa kelulusan Akta ini di Parlimen suatu ketika dahulu telah membawa penubuhan sebuah syarikat telekomunikasi yang ulung di negara ini iaitu Syarikat Telekom Malaysia. Setelah sekian waktu kita berasa amat bangga melihat perkembangan yang berlaku dalam syarikat yang berkenaan, bukan sahaja kemajuan perniagaan syarikat ini semakin pesat dengan mengaut keuntungan yang cukup lumayan, malah prestasi untuk memikat begitu banyak pelabur dalam saham di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah satu lagi manifestasi tentang kejayaan ini.

Kejayaan syarikat itu juga adalah lambang kejayaan konsep penswastaan Kerajaan yang menukarkan institusi awam seperti ini sebagai sebuah gergasi koporat yang bukan sahaja memberikan hasil kepada negara tetapi juga kepada pekerja-pekerja syarikat berkenaan. Rakyat yang sentiasa berkehendakkan mutu perkhidmatan yang cekap dan bermutu tinggi juga turut menikmati faedah daripada pencapaian ini. Sebagai seorang yang menikmati faedah sekali pun secara tidak langsung dalam perkhidmatan industri telekomunikasi ini, saya berasa amat bangga untuk dapat menyertai perbahasan mengenai Akta ini di Dewan yang mulia ini. Saya ingin rnenggunakan peluang ini untuk sekadar membicarakan beberapa hal untuk memberikan kata-kata pujian sebagai perangsang dan mungkin juga mengemukakan komen-komen agar ia

dapat dijadikan satu panduan kepada pihak pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada STM atas kegigihan serta pandangan jauh dalam pengurusannya. Kegigihan mereka telah membawa agensi ini kepada satu tahap yang amat membanggakan sekali dan satu model penswastaan yang perlu dicontohi oleh mana-mana institusi yang bakal diletakkan di bawah konsep ini.

Saya harap berikutan pindaan kepada Akta ini, STM akan terus berkembang dan menunaikan kewajipannya kepada masyarakat secara lebih profesional lagi. Saya amat bangga sekali apabila mendapati bahawa semenjak diswastakan, STM banyak menerokai bidang baru perniagaan telekomunikasi. Banyak sistem pengurusan dan perkhidmatan baru telah diperkenalkan. Sejajar dengan perkembangan dunia telekomunikasi yang berlaku di negara ini, kemajuan seperti ini sebenarnya menunjukkan bahawa sekiranya seseorang itu diberi peluang dan ruang untuk berkembang, mereka dapat mencapainya walaupun dengan apa cara sekalipun.

Seperti yang saya telah katakan tadi dalam menitik arus perkembangan ini, saya perhatikan banyak bidang perniagaan baru berasaskan telekomunikasi diperkenalkan atau bidang perkhidmatan lama yang baik terus dikekalkan oleh STM.

Disebabkan besarnya saiz pekerjaan atau perkhidmatan ini, STM sendiri telah mampu untuk melaksanakan secara bersendirian. Ia memerlukan bantuan daripada firma-firma berkaitan yang lain untuk membantu melaksanakan projek-projeknya. Ini sebenarnya adalah satu yang baik kerana ia akan mengagihkan keuntungan kepada pihak-pihak yang lain secara seimbang dan saksama.

Bukan itu sahaja, ia membantu mempercepatkan proses pelaksanaan projek-projek telekomunikasi di negara ini.

Berhubung dengan perkara ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak STM agar tidak melupai hasrat Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang pekerjaan . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi ada diberitahu bahawa STM tidak ada berkaitan dengan pekerjaan ini, maka tak payah kita bercakap mengenainya.

**Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad:** Oleh sebab Akta ini ada hubungkait dengan penubuhan STM, kita hanya bercakap berhubung dengan pada keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada amnya.

**Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad:** Amnya. Sekalipun perniagaan dalam bidang telekomunikasi ini begitu kompleks dan memerlukan tahap iktisas dan kemahiran yang tinggi, STM tidak harus mencari alasan untuk meninggalkan golongan bumiputera. Satu usaha harus dicari bagi melibatkan ramai lagi daripada mereka terbabit dalam bidang perniagaan seperti ini dengan memberi mereka bimbingan dan mencari rakan-rakan luar negeri yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang ini. Dengan cara yang sedemikian, maka STM dapat membantu Kerajaan dan peniaga-peniaga bumiputera dalam proses pemindahan teknologi telekomunikasi. Sekiranya ini dapat dilakukan, STM dapat analisa, akhirnya ia jugalah yang menikmati faedah daripada proses ini.

Saya ingin menyeru agar peluang perniagaan seperti ini diperluaskan kepada syarikat-syarikat bumiputera

dari Sarawak. Mereka sangat-sangat memerlukan bimbingan dan peluang pekerjaan yang berkaitan sama ada dalam bidang kontrak ataupun pembekalan alai-alat telekomunikasi dan sebagainya. Sebagai sebuah negeri yang amat luas dengan taburan penduduk yang berselerak di merata-rata tempat, keperluan telekomunikasi untuk berhubung di antara satu sama lain adalah diperlukan. Saya harap dan saya percaya STM akan mempunyai banyak rancangan pembangunan di negeri Sarawak khususnya, justeru itu adalah baik sekiranya ia dapat mencari atau mengenalpasti firma-firma yang sesuai, khususnya firma-firma bumiputera untuk terbabit dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan saya tadi dan pandangan itu, saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan terhadap Rang Undang-undang Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1991 dan menyokongnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk memberikan jawapan.

*4.24 ptg.*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi pandangan-pandangan mereka berkenaan dengan pindaan yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Akta Telekomunikasi.

Di dalam perbahasan tadi tiga Ahli Yang Berhormat Senator-senator telah mengambil bahagian. Yang pertamanya, Yang Berhormat Senator Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan beberapa perkara, iaitu yang pertama berkenaan dengan percakapan rahsia dalam telefon. Yang kedua, kegunaan

antenna disc untuk menerima siaran daripada negara asing. Yang ketiga, berkenaan dengan pengecualian lesen-lesen kepada orang-orang daripada negara-negara lain yang ada hubungan dengan negara kita dan juga berkenaan dengan denda ke atas pemasangan stesen-stesen haram.

Saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beliau, iaitu perkara yang pertama, jikalau ada juga kandungan-kandungan rahsia dalam percakapan kita dalam telefon, saya percaya lebih baik kita jangan gunakan telefon. Alat telefon itu ialah bukan mengadakan hubungan perkara-perkara rahsia di antara satu pihak kepada pihak yang lain. Saya percaya jikalau ada rahsia lebih baik kita hubungi terus untuk membincang rahsia-rahsia itu. Telefon ini ialah untuk mengadakan hubungan yang mudah di antara satu sama lain dan juga hubungan-hubungan yang lain. Saya sendiri sedar jikalau kita menggunakan perkara-perkara rahsia berkenaan dengan tanahair kita atau rahsia negara, saya percaya pihak-pihak yang mempunyai berhak untuk menyimpan rahsia itu tidak boleh menggunakan alat telefon untuk membincang rahsia-rahsia negara. Itu nasihat daripada saya.

Berkenaan dengan antenna disc yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya suka menjelaskan polisi dan dasar semasa perlu mendapat lesen daripada Yang Berhormat Menteri. Sesiapa yang suka menggunakan disc itu dan juga sesiapa yang mempunyai hak untuk menggunakan disc itu pada masa sekarang seperti yang telah ditetapkan oleh Jemaah Menteri dan juga Kementerian saya, iaitu orang-orang kenamaan dan duta-duta luar negeri, RTM dan juga TV3. Inilah empat pihak yang telah diberi kebenaran dan juga lesen daripada Kementerian saya untuk

menggunakan disc. Kegunaan disc itu saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar jikalau kita mengimport rancangan-rancangan daripada luar negeri melalui satelit dan hasil daripada rancangan-rancangan itu saya tak payah jelaskan, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sedar, apakah kebudayaan yang kita akan terima melalui disc dan juga siaran-siaran daripada satelit. Oleh kerana itulah, Kerajaan kita telah mengadakan polisi dan dasar untuk menghadkan kegunaan disc itu. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat menerima perkara itu.

**(Tuan Adam bin Kadir  
mempengerusikan Mesyuarat)**

Yang Berhormat Tuan Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan stesen-stesen haram. Saya tahu perkara ini telah berlaku di Johor Bahru dalam tahun 1988 yang mana 11 orang telah ditangkap, tetapi denda yang mereka kena mengikut undang-undang yang sedia ada sekarang iaitu \$500 sahaja. Oleh kerana denda ini paling rendah, mereka telah galak untuk membuat lebih kesalahan, oleh kerana itulah sekarang denda dinaikkan menjadi \$100,000. Jikalau sebelum beliau menetapkan untuk mengadakan apa-apa stesen haram, beliau tahu denda bukanlah \$500 lagi. Juga melalui stesen-stesen haram ini mereka menggunakan untuk judi haram yang telah berlaku di beberapa tempat dan alat hubungan itu melalui stesen haram ditetapkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya percaya dengan pindaan kepada Akta ini kita boleh menjaga perkara-perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan beberapa perkara iaitu berkenaan dengan pemasangan telefon dan juga perkara-perkara berkenaan dengan STM dan lain-lain. Saya percaya ini

tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan perkara yang kita bincangkan sekarang. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu suka juga mendapat tahu apa-apa penjelasan atau keterangan berkenaan dengan kegiatan STM. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab untuk perkara itu, saya bolehlah menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, jikalau Ahli Yang Berhormat berminat untuk menulis kepada Kementerian saya. Atau masa akan datang, jikalau ada soalan-soalan dalam Parlimen ini berkenaan dengan kegiatan STM, saya boleh juga memberi jawapan yang lebih jelas berkenaan dengan perkara-perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hassan Harun yang telah membangkitkan perkara-perkara seperti itu juga berkenaan dengan antenna disc yang saya telah jawab tadi. Saya tahu dengan antenna disc ini kita boleh menerima berita-berita, gambar-gambar yang lebih jelas. Tetapi satu soalan, gambar-gambar yang kita menerima melalui disk atau TV, melalui salelit itu, saya tidak tahu gambar itu betul atau tidak. Seperti apa yang berlaku dalam peperangan sekarang pun, saya percaya banyak di antara gambar-gambar yang kita dapat melalui televisyen selepas sensor itu pun saya dapati ada pihak-pihak yang menuduh itu bukan betul. Semua perkara-perkara yang kita dapat melalui CNN dan juga lain-lain pun saya percaya bukan 100% yang benar. Walau bagaimanapun, sesiapa yang menyiarkan apa-apa berita, mereka suka menyiarkan berita yang boleh memberi faedah dan hasil kepada mereka iaitu pihak yang menyiarkan itu. Saya percaya lebih baik kita memberi kepercayaan yang lebih kepada stesen-stesen kita sendiri iaitu RTM dan TV3 yang boleh memberi berita-berita yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Hassan Harun atas ucapan beliau memberi beberapa perkara berkenaan dengan tindakan-tindakan untuk memodenkan hubungan telekokuminasi di dalam tanahair kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memberi lesen kepada sebuah syarikat untuk mengadakan satu stesen Telecommunication Hub ditempatkan di Kuala Lumpur, iaitu Telecommunication Hub itu akan menerima data-data dari Paris, New York dan negara-negara yang mempunyai sistem seperti itu dan kita boleh juga menerima banyak perkara-perkara berkenaan dengan banking, corporate sector dan lain-lain pada masa akan datang. Jikalau kita mahu mendapat keterangan berkenaan dengan share market Dow Jones di New York, saya percaya melalui itu kita boleh dapat semua keterangan dalam tempoh 3 saat.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, Hub itu macam mana ejaannya? Saya pun hendak tahu juga.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Hub itu seperti sebuah roda.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ejaannya apa?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** H-U-B, seperti sebuah roda mempunyai hub. Dari hub itu ada—saya tidak tahu nama itu, sudah lama saya tidak guna basikal.

**Tuan Adam bin Kadir:** Spokes.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada hub, melalui hub sahaja kita ada....

Tuan Adam bin Kadir: Spokes.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jadi, saya percaya tidak lama lagi saya berjanji kepada Yang Berhormat Senator Hassan Harun di hadapan meja

Ahli Yang Berhormat juga boleh mempunyai sebuah telefon dengan kuasa untuk menerima perkara-perkara dan butir-butir seperti itu daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhinya, iaitu berkenaan dengan ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Wan Hamid Edruce, saya suka mengucapkan terima kasih kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Separuhnya berkenaan dengan penyertaan bumi-putera dalam industri telekomunikasi dan juga berkenaan dengan kontrak bukan sahaja di negeri Sarawak, tetapi juga di Semenanjung. Pemberian kontrak atau mengadakan syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam kontrak-kontrak STM itu tidak ada kaitan dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara itu saya akan rujukkan kepada STM untuk mendapat pertimbangan.

Dari Akta ini kita mempunyai hak untuk memberi lesen kepada STM untuk mengadakan hubungan yang lebih rapat. Baru-baru ini STM telah menyiapkan satu rangkaian fibre optic dengan negeri Sarawak dan Sabah—baru selesai dan berharga lebih kurang \$160-5170 juta. Jadi, hari ini Ahli Yang Berhormat Senator Wan Hamid Edruce dari Sarawak boleh berhubung dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dalam 2 saat. Pada masa dahulu, ini akan mengambil masa lebih kurang 10 atau 15 minit, oleh kerana hubungan tidak dapat disambung dengan alat-alat yang sedia ada di dalam Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan-pandangan dan jawapan daripada saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Senaior yang telah memberikan komen-komen.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada Senator Hassan Harun dalam ucapan beliau, beliau telah membangkitkan beberapa perkara dengan lebih teknikal. Saya ucap tahniah kepada Senator Hassan Harun. Saya percaya pada masa akan datang apabila saya membentangkan rang undang-undang yang baru, saya percaya kita boleh dapat perbincangan yang berkualiti, Tuan Yang di-Pertua. Itulah saya suka mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat. Dewan Negara ini tidak boleh dikatakan seperti pada masa dahulu Dewan untuk orang tua. Ini adalah Dewan Negara yang akan memberi faedah kepada negara ini. Dengan ini saya ucapkan terima kasih. *(Tepuk)*

**Tuan Adam bin Kadir:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**(Tuan Adam bin Kadir  
mempengerusikan Jawatankuasa)**

*Pasal 1 hingga 28* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUMPULAN WANG SIMPANAN  
PEKERJA**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.40 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda dan memperbuat semula undang-undang berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi orang-orang yang bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan yang tertentu dan bagi perkara-perkara yang ber-sampingan adanya dibaca kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan suatu Akta yang lebih kemas dan menyeluruh bagi urusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Undang-undang yang sedia ada didapati tidak begitu lengkap untuk menampung perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sistem keselamatan sosial di negara ini. Dengan pengwujudan Akta baru ini, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 adalah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan undang-undang baru bagi urusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP adalah perlu, khususnya untuk menampung tujuan-tujuan seperti berikut:

- (i) KWSP merupakan satu institusi sosio-ekonomi bercorak kumpulan wang simpanan atau, dengan izin, provident fund yang terulung di negara ini yang mana berfungsi sebagai pemegang amanah bagi kumpulan wang simpanan ahli-ahlinya yang meliputi lebih kurang 84% dari tenaga kerja

negara. Sebagai sebuah, dengan izin, provident fund yang terbesar di negara ini, KWSP bertanggungjawab untuk memberi jaminan kewangan semasa persaraan kepada 5.8 juta pekerja yang telah menjadi ahlinya.

Peranan KWSP ini adalah berasaskan kepada pemntukan-peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Akta KWSP 1951. Walau bagaimanapun, kuasa undang-undang yang sedia ada itu merupakan peruntukan-peruntukan yang berdasarkan kepada prinsip operasi yang diamalkan semasa KWSP ditubuhkan pada tahun 1951. Sejak penubuhannya pada empat tahun yang lalu, KWSP telah mengalami perkembangan yang pesat dari segi saiz kumpulan wangnya.

Bilangan ahli serta jenis-jenis kemudahan dan faedah-faedah pra-persaraan yang diberi kepada ahli-ahlinya. Oleh yang demikian, kuasa undang-undang yang sedia ada itu tidak begitu lengkap untuk membolehkan KWSP menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan serta menghadapi cabaran-cabaran pada masa ini.

- (ii) Perkembangan pesat dari segi keluasan dan skop kegiatan KWSP sebagai sebuah institusi keselamatan sosial yang terulung di negara ini memerlukan jentera dan sistem operasi yang lebih flexible dan lebih kukuh.

Dengan itu, Rang Undang-undang berkenaan mencadangkan pengwujudan struktur dan jentera pentadbiran institusi KWSP yang sesuai sama ada di peringkat Lembaga mahupun di peringkat pengurusan untuk

membolehkannya memikul tanggungjawab dan menghadapi cabaran-cabaran di dekad 1990an dan setcrusnya.

- (iii) Dengan kumpulan yang berjumlah \$46,000 juta, KWSP merupakan sebuah institusi kewangan yang utama di negara ini dan merupakan sumber pembiayaan jangka panjang yang terpenting kepada Kerajaan. Di samping itu, sebagai sebuah institusi yang bercorak pemegang amanah adalah menjadi tanggungjawab dan hasrat KWSP untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan dan stabil ke atas simpanan ahli-ahlinya. Perkembangan dan kemajuan yang pesat dalam sistem kewangan negara telah mendorong KWSP selaku sebuah institusi kewangan untuk memainkan peranan yang lebih aktif dan meluas dalam kegiatan pelaburan tanpa menjejaskan tanggungjawab dan kewajipannya sebagai pemegang amanah serla memainkan peranannya yang penting sebagai sumber utama pembiayaan pembangunan jangka panjang kepada Kerajaan.

Dengan itu, Rang Undang-undang berkenaan menyediakan peruntukan undang-undang sewajarnya bagi membolehkan KWSP merangka dasar pelaburannya yang memberi pulangan yang berpatutan kepada ahli-ahlinya.

- (iv) Pada masa ini bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP berjumlah 175,550. Penyelewengan di kalangan majikan adalah satu masalah serius yang sedang dihadapi oleh KWSP sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Keadaan di mana majikan-majikan yang

tidak mematuhi undang-undang dan masalah berkaitan, iaitu kegagalan mencarumkan serta jumlah caruman yang tidak tepat dimasukkan ke dalam akaun ahli telah semakin bertambah. Keadaan ini sekiranya tidak dibendung akhirnya akan menjejaskan hak-hak pekerja dari segi faedah-faedah keselamatan sosial dan ketika persaraan hari tua kelak.

Dalam keadaan sedemikian, adalah penting bagi memastikan supaya KWSP mewujudkan satu sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan. Oleh itu, Rang Undang-undang yang berkenaan merangkumi aspek-aspek perundangan yang bertujuan untuk mewujudkan sistem pengawasan dan pengawalan ke atas majikan yang lebih kukuh dan juga yang lebih berkesan.

- (v) Dengan pertambahan bilangan keahlian yang layak untuk menikmati kemudahan pengeluaran, caruman KWSP bagi faedah-faedah pra-persaraan maka kuasa undang-undang yang sesuai perlu disediakan bagi memperkemaskinikan prosedur-prosedur dan sistem pentadbiran yang lebih berkesan serta mengadakan sekatan-sekatan untuk mengelakkan berlakunya kes-kes penipuan. Juga kuasa undang-undang yang sesuai perlu disediakan bagi membolehkan tindakan wajar dilaksanakan dengan segera dan berkesan ke atas kes-kes penyelewengan pengeluaran caruman jika berlaku; dan
- (vi) Memperkemaskan lagi faedah-faedah dan perkhidmatan yang diberi kepada ahli-ahlinya dari segi amaun faedah-faedah kematlan dan hilang keupayaan dan pemberian opsyen kepada



semua golongan ahli untuk membuat caruman sukarela atau, dengan izin, "voluntary excess contributions". Dengan demikian, penyediaan Rang Undang-undang ini adalah dibuat dengan mengambilkira faktor-faktor dan kehendak-kehendak yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 ini merangkumi beberapa peruntukan-peruntukan utama untuk memenuhi kehendak-kehendak dan matlamat-matlamat seperti yang dinyatakan sebentar tadi dan peruntukan-peruntukan utama yang baru diwujudkan dalam Rang Undang-undang itu adalah sebagaimana saya akan jelaskan sekarang.

Pasal 2—Rang Undang-undang memberi tafsiran dan definisi yang terperinci mengenai istilah-istilah yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh institusi tersebut. Tafsiran yang luas dan terperinci ini akan memudahkan pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang itu. Antara lain, takrif baru telah diberi kepada perikatan upah atau, dengan izin, wages bagi tujuan pentadbiran Akta ini. Ini adalah bertujuan untuk melaksanakan dasar yang telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Belanjawan 1990 di mana semua bayaran bonus sama ada secara kontrak atau sebaliknya hendaklah tertakluk kepada potongan caruman KWSP.

Tujuan kedua Rang Undang-undang ini untuk memperkukuhkan jentera dan sistem operasi KWSP ini dilaksanakan dari segi dua tahap, iaitu di peringkat Lembaga serta panel pelaburan dan juga di peringkat struktur organisasi dan jentera pentadbiran KWSP.

Fasal-fasal 4 dan 5 adalah bertujuan untuk menyusun semula keahlian Lembaga KWSP sebagai usaha untuk memperkukuhkan jentera pentadbiran KWSP. Sebagai pihak utama yang bertanggungjawab atas polisi dan pengurusan, Lembaga KWSP memainkan peranan yang penting dalam menjamin pencapaian objektif-objektif penubuhan KWSP, iaitu untuk memberi faedah-faedah keselamatan sosial kepada pencarum-pencarumnya pada masa persaraan kelak.

Pada masa ini KWSP mengalami perkembangan yang pesat dalam semua bidang dan oleh itu peranan dan tanggungjawab Lembaga adalah bertambah penting.

Dengan perkembangan pesat yang dialami oleh KWSP dari segi tanggungjawab dan perkhidmatan bagi memenuhi pelbagai kehendak ahli-ahlinya, maka adalah sesuai supaya keahlian Lembaga disusun semula untuk menentukan supaya kehendak-kehendak ini dapat dihadapi dengan jayanya. Usaha penyusunan semula dan memperkukuhkan struktur Lembaga adalah dari tiga aspek:

Pertama, pemberian kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Pengerusi Lembaga secara penuh masa atau sebaliknya. Penyediaan peruntukan ini dirasakan perlu untuk menghadapi keadaan-keadaan di mana perlantikan sedemikian perlu dibuat berdasarkan kepada kehendak-kehendak KWSP dari segi taraf dan peringkat pembangunan institusi berkenaan.

Aspek kedua ialah pemberian kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik wakil Kementerian Kewangan di Lembaga KWSP sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga sekiranya Pengerusi Lembaga adalah bukan wakil Kementerian Kewangan. Ini memandangkan bahawa KWSP

adalah sebuah badan berkanun di bawah kawalan dan tanggungjawab Kementerian Kewangan, maka dengan langkah ini tugas-tugas pengawasan dapat dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan secara terus dan rapi.

Akhirnya, kuasa juga diberi kepada Menteri Kewangan untuk melantik ahli-ahli silih ganti bagi mewakili pihak Kerajaan di Lembaga KWSP sekiranya perlu.

Kedua-dua Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP memainkan peranan dan memegang tanggungjawab yang penting bagi menjamin pencapaian objektif-objektif penubuhan KWSP.

Pasal 22 dan 23 Rang Undang-undang menjelaskan mengenai kriteria-kriteria bagi individu-individu yang tidak layak untuk dipertimbangkan bagi tujuan perlantikan sebagai ahli Lembaga atau Panel Pelaburan KWSP serta menetapkan keadaan-keadaan di mana perlantikan seseorang ahli akan ditamatkan.

Selain daripada itu, Fasal 23 juga mewujudkan peruntukan supaya semua ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP mendedahkan kepentingan, dengan izin, disclosure of interest dengan tujuan mengelakkan berlakunya, dengan izin, conflict of interest di peringkat Lembaga atau di peringkat Panel Pelaburan KWSP.

Fasal 30 hingga Pasal 33 Rang Undang-undang menjelaskan mengenai langkah-langkah yang telah diwujudkan bagi tujuan memperkukuhkan jentera pentadbiran dan struktur organisasi KWSP.

Fasal 30 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Pengerusi Lembaga KWSP untuk bertugas sebagai Pengurus Besar dan melaksanakan tugas-tugas eksekutif sewajarnya.

Pasal 31 merupakan peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas semua pegawai dan kakitangan KWSP. Maka selaras dengan peruntukan Pasal 31, sebuah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga akan ditubuhkan. Berkaitan dengan kuasa sebagai pihak berkuasa tatatertib, Lembaga KWSP juga diberi kuasa mengenakan surcharge seperti di Pasal 32. Selaras dengan operasi KWSP sebagai sebuah institusi kewangan, adalah wajar supaya kuasa undang-undang diberi kepada Lembaga untuk selaku pihak berkuasa tatatertib untuk mengenakan surcharge terhadap mana-mana pegawai atau kakitangan KWSP yang didapati gagal untuk mengendalikan sumber-sumber kumpulanwang yang diamanahkan kepada KWSP dengan cara yang teratur dan jujur. Sebagai usaha untuk memperkemaskinikan hasrat dan tugas-tugas Lembaga KWSP sebagai badan yang dipertanggungjawabkan dengan kuasa-kuasa mengenai segala hal-hal mengenai pengurusan kakitangan KWSP.

Fasal 33 menghuraikan kuasa penubuhan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Lembaga KWSP serta kuasa-kuasa dan bidang tugasnya termasuk kuasa-kuasa Lembaga untuk mengendalikan urusan-urusan kenaikan pangkat dan rayuan-rayuan mengenai hal-hal kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada ciri penting Rang Undang-undang ini ialah cadangan untuk memperluaskan lagi bidang pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP.

Fasal 26 Rang Undang-undang menetapkan bidang ataupun skop pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP. Pengurusan pelaburan adalah merupakan satu bidang yang amat penting bagi KWSP oleh kerana pendapatan dari pelaburan adalah punca utama yang menentukan kadar

faedah yang boleh diberikan kepada pencarum-pencarumnya. Untuk mengoptimalkan pulangan atas pelaburan adalah wajar KWSP meluaskan lagi bidang dan skop pelaburannya. Sebagai sebuah institusi kewangan yang berfungsi sebagai pemegang amanah, dasar pelaburan KWSP hendaklah berasaskan kepada matlamat untuk memperolehi pulangan yang terbaik tanpa melibatkan risiko yang tinggi.

Pasal 26 secara amnya mempunyai dua tujuan. Pertamanya untuk memperluaskan skop dan jenis pelaburan KWSP dan keduanya, bagi membolehkan KWSP memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai pelabur institusi, dengan izin, institutional investor dalam usaha untuk mewujudkan pasaran modal yang lebih mendalam di negara kita ini. Menerusi Pasal 26, kuasa-kuasa pelaburan KWSP diperluaskan dari segi tiga aspek.

Pertamanya, peruntukan baru tersebut menetapkan had minimum jumlah dana pelaburan KWSP dalam sesuatu tahun yang dikehendaki dilabur atau dilabur semula dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan kepada 50% sahaja berbanding dengan had sekarang sebanyak 70%.

Keduanya, sebagai usaha untuk mempelbagaikan pelaburannya, kuasa diberikan kepada KWSP untuk menceburi dalam pelaburan hal tanah.

Ketiganya, Fasal 26 dalam Rang Undang-undang juga memberi kuasa kepada KWSP tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan untuk melabur dalam pelbagai jenis pelaburan yang khusus, misalnya dalam projek-projek penswastaaan, projek-projek usahasama, pengeluaran sekuriti-sekuriti ataupun bon-bon, instrumen-instrumen pasaran kewangan yang baru dan sebagainya yang akan memberi pulangan yang positif dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan keempat Rang Undang-undang ini adalah untuk mewujudkan peruntukan-peruntukan bagi mengatasi masalah penyelewengan di kalangan majikan. Masalah penyelewengan ini meliputi peibagai aspek termasuklah kegagalan majikan untuk mendaftarkan pekerja, kegagalan untuk membuat potongan caruman KWSP, kegagalan untuk merimitkan kepada KWSP caruman yang dipotong dari gaji pekerja serta pemberian butir-butir yang salah mengenai pekerja-pekerja.

Masalah penyelewengan di kalangan majikan ialah satu masalah yang makin bertambah, Misalnya, pada akhir tahun 1990, sejumlah 41,371 majikan atau 23.7% daripada majikan yang didaftarkan dengan KWSP gagal untuk membayar caruman KWSP.

Keadaan ini diberi perhatian yang serius oleh KWSP oleh kerana kegagalan pembayaran caruman bermakna hak pekerja-pekerja dari segi penerimaan faedah-faedah keselamatan sosial adalah terjejas. Sebagai usaha uniuik mengatasi masalah ini, KWSP telah merangka perancangan tindakan, dengan izin, action plan dengan corak three-prong, iaitu penambahan bilangan jawatan-jawatan inspektor KWSP di pejabat-pejabat KWSP di seluruh negara, meninggikan lagi kekerapan pemeriksaan, dengan izin, routine door-to-door inspection serta memperketatkan lagi peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai kuasa-kuasa pengualkuasaan, pengawasan dan pendakwaan.

Di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan itu, tanggungjawab dan kuasa-kuasa yang diberi kepada inspektor-inspektor KWSP telah diperluaskan supaya tugas-tugas penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Kuasa-kuasa yang dimaksudkan dan diuraikan dalam Fasal-fasal 34 hingga 38 termasuklah kuasa untuk memasuki, menggeledah,

merampas, melakukan pemeriksaan ke atas orang-orang yang disyaki dan juga kuasa-kuasa menjalankan soal-siasat dan mendapatkan kenyataan yang boleh diterima sebagai bukti di mahkamah. Kuasa perundangan tambahan juga telah diberi kepada Pengurus Besar untuk bertindak ke atas kes-kes penyelewengan oleh majikan mahupun pekerja.

Mengikut peruntukan seperti di bawah Fasal-fasal 39 dan 40, Pengurus Besar boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana orang sama ada pekerja atau majikan untuk menyempurnakan maklumat yang dikehendaki atau menghadirkan diri di hadapan Pengurus Besar bagi memberi penjelasan yang dikehendaki,

Di samping itu, dengan perintah mahkamah, Pengurus Besar KWSP berkuasa untuk mengeluarkan kepada Ketua Pengarah Imigresen atau Ketua Polis Negara, sijil yang mengandungi permintaan untuk melarang seseorang meninggalkan negara sehingga segala amaun caruman yang terhutang dijelaskan.

Di samping itu, sebagai usaha untuk memperkukuhkan prosedur-prosedur pendakwaan, Bahagian VIII Rang Undang-undang menghuraikan jenis-jenis kesalahan serta penalti-penalti yang berkenaan dan juga kuasa-kuasa mengkompaunkan.

Selain daripada itu, untuk menentukan supaya masalah, dengan izin, non-compliance di kalangan majikan dapat dikurangkan, maka peruntukan Rang Undang-undang ini seperti di Pasal 41 mewajibkan tiap-tiap majikan ataupun pertubuhan perniagaan untuk memaklumkan kepada KWSP tenlang pendaftaran atau penubuhannya dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pendaftaran dengan pihak Pendaftar Perniagaan ataupun Pendaftar Syarikat. Juga dengan

penguatkuasaan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, semua majikan adalah dikehendaki menyediakan dan menyimpan daftar yang mengandungi maklumat mengenai setiap pekerja yang diambil bekerja olehnya dan daftar tersebut hendaklah disimpan bagi tempoh 6 tahun dan daftar tersebut boleh diperolehi bagi pemeriksaan oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan KWSP dalam tempoh tersebut.

Masalah penyelewengan di kalangan pekerja yang bertambah kerap kalinya memerlukan supaya sistem pentadbiran skim-skim pengeluaran caruman KWSP diperkemas bagi menentukan supaya kemudahan-kemudahan pengeluaran ini tidak disalahgunakan oleh pencarum-pencarum. Fasal 54 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk menentukan sedemikian. Dengan peruntukan ini kegagalan atau menyalahgunakan wang caruman daripada tujuan pengeluaran dibuat merupakan satu kesalahan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, tujuan utama Rang Undang-undang yang dicadangkan itu adalah untuk memperkemas lagi faedah-faedah dan perkhidmatan yang diberi oleh KWSP kepada ahli-ahlinya. Selaras dengan objektif penubuhan KWSP iaitu sebagai sebuah institusi untuk menggalakkan simpanan pekerja bagi tujuan kegunaan masa hari tua, maka peruntukan undang-undang telah diperluaskan supaya option diberi kepada semua kalegori ahli-ahli KWSP untuk memilih bagi membuat caruman bulanan kepada KWSP secara sukarela atau, dengan izin, voluntary excess contributions mengikut kadar-kadar yang ditetapkan.

Pemberian option ini tidak akan melibatkan tanggungan kewangan kepada mana-mana majikan oleh

kerana option ini hanya bolch dilaksanakan oleh seseorang ahli berkenaan dengan caruman pihaknya sendiri.

Dengan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, faedah kematian dan faedah kecederaan fizikal dan hilang keupayaan telah diperbaiki lagi dengan meningkatkan had minimum bayaran faedah kematian atau faedah hilang keupayaan dari \$500 kepada \$1,000. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pembayaran yang bermakna diberi kepada ahli-ahli KWSP yang terlibat. Walau bagaimanapun, had maksimum masih dikekalkan sebanyak \$30,000.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Rang Undang-undang itu secara keseluruhannya mengandungi peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Bagaimanapun kebanyakan peruntukan-peruntukan itu telah disusun semula, diperkemaskan dan dihuraikan dengan lebih jelas lagi bagi menyesuaikan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dari segi keperluan, tanggungjawab dan peranan KWSP sebagai institusi yang terpenting dalam sistem keselamatan sosial negara.

Pengwujudan Akta baru ini akan memansuhkan Akta KWSP 1951 yang sedia ada. Dengan terkanunnya Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 adalah diharapkan pengurusan dan operasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi dengan tujuan untuk mempertingkatkan peranan KWSP dalam usaha untuk membangunkan dan memajukan sistem keselamatan sosial di negara kita ini.

Tuan Yang di-Perlua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda dan memperbuat semula undang-undang berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi orang-orang yang bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

5.07 *ptg.*

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Indang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana akhirnya berjaya mengemaskinikan organisasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ini untuk menghadapi cabaran semasa dan di hari muka.

Saya yakin dengan penyusunan baru ini, KWSP akan lebih berkeupayaan dan organisasinya lebih mantap untuk menghadapi kehendak-kehendak dan cabaran-cabaran semasa. Cuma saya ada beberapa teguran dan ingatan sahaja yang saya ingin kemukakan berkaitan dengan perluasan bidang kegiatan KWSP selepas ini, terutama sekali mengenai bidang-bidang yang diizinkan untuk KWSP membuat pelaburan dan sebagainya.

Saya membangkitkan perkara ini, memandangkan wang simpanan pekerja ini adalah wang yang disimpan oleh

pekerja-pekerja seluruh Malaysia yang mencakupi rakyat kita dari semua lapisan masyarakat. Di sinilah tempat mereka bergantung dan di sinilah tempat mereka mengharapakan di masa mereka tua kelak.

Apabila memikir masalah masa depan mereka, saya bimbang dengan dibenarkan pihak KWSP melaburkan wang simpanan ini dalam bidang-bidang yang mempunyai risiko-risiko seperti dalam firma-firma walaupun firma-firma itu merupakan firma-firma 'blue chips' dan sebagainya sebagaimana yang diterangkan di dalam pindaan ini, elemen-elemen risiko itu boleh menjejaskan keyakinan orang ramai untuk menyimpan dengan wang simpanan secara voluntary, dengan izin, dan secara yang dikehendaki oleh undang-undang itu tak dapat dihalang.

Walau bagaimana sekalipun, aspek-aspek ini saya berharap akan diambil-berat oleh pihak Kerajaan sebab dengan perkembangan ekonomi negara yang pesat akan banyaklah peluang-peluang untuk melabur, tetapi dalam keadaan sedemikian rupa, kita harus ingat ada masanya sistem ekonomi kita ini akan melalui proses-proses ataupun cycle tertentu yang boleh menyebabkan apa yang dilaburkan itu lesap begitu sahaja. Misalnya kemungkinan-kemungkinan seperti situasi resesi yang teruk seperti mana yang berlaku dalam tahun 1920an, dengan izin, the great crash dan sebagainya ataupun peristiwa-peristiwa seperti Pan-El yang mana syarikat-syarikat yang tidak berdosa pun turut terlibat menjadi mangsa kepada beberapa perkara yang berpunca daripada unsur-unsur speculation di dalam bidang perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada beberapa peruntukan di dalam pindaan ini yang menjamin, yang cuba menutup kemungkinan-kemungkinan perkara seperti itu berlaku, tetapi maklumlah dalam melaksanakan tugas ini,

kemungkinan ada sesuatu yang akan berlaku yang boleh menimbulkan perasaan yang tidak percaya kepada KWSP kelak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin juga menyentuh mengenai penyelewengan majikan-majikan sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah nyatakan, ada unsur-unsur penyelewengan yang berleluasa sejak akhir-akhir ini oleh pihak majikan. Tetapi apakah yang dikatakan penyelewengan ini berlaku kepada setiap-tiap kes yang timbul ataupun ada faktor-faktor lain yang menyebabkan majikan-majikan tertentu tidak berupaya mencarumkan wang pekerja itu? Tidakkah kemungkinan kerana recession, kerana sesuatu di luar kawalan mereka menyebabkan mereka tidak terbayar yang sepatutnya dibayar untuk pekerja. Tidakkah kemungkinan juga ada timbul masalah-masalah cash flow semata-mata bukan dengan niat buruk, tetapi berlaku akibat dalam dunia perniagaan yang luar daripada kawalan majikan-majikan yang disebutkan itu.

Jadi, perkara-perkara ini perlulah dikaji dengan lebih mendalam sebab saya faham ada di antara pekerja-pekerja yang menjalankan tugas dalam organisasi KWSP ini tidak begitu faham tentang selok-belok perniagaan dan masalah-masalah berkaitan dengan accounting, cash-flow dan financial management. Ada inspektor-inspektor mungkin yang pergi melihat akaun, melihat kedudukan kewangan sesudah melihat majikan tidak membayar, tidak memahami kenapakah bayaran itu tidak dibuat kerana tidak faham asal-usul masalah yang berbangkit tadi. Jadi, saya bimbang dengan generalisasi yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai penyelewengan majikan-majikan itu sebenarnya tidak seluas itu hasil daripada penyelewengan, tetapi kerana desakan-desakan lain yang menyebabkan mereka melakukan perkara itu. Oleh

itu saya berharap pihak KWSP dalam penyusunan organisasi ini akan mengambil pekerja-pekerja sebagai inspektor dan sebagainya, orang-orang yang memahami kaedah, yang memahami masalah-masalah dunia perniagaan supaya mereka lebih bersimpati kepada masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh majikan.

Perkara ini menjadi lebih-lebih lagi penting di masa hari muka sebab kita sekarang sedang menggalakkan organisasi-organisasi ataupun firma-firma berkembang dengan pesat dalam sistem ekonomi yang bebas ini. Sudah tentu di masa hadapan banyak lagilah perkara-perkara ini akan berlaku. Dengan itu saya rasa masalah control ke atas majikan-majikan ini bukanlah sekadar dengan Undang-undang ini sahaja tetapi dengan bimbingan, dengan pemahaman yang lebih mendalam, masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka serta dengan cara yang lebih inovatif sesuai dengan sistem ekonomi bebas yang memerlukan lebih banyak lagi usahawan-usahawan, majikan-majikan ini mengadakan organisasi-organisasi perniagaan dan lain-lain lagi untuk rnenimhulkan peluang pekerjaan yang akhirnya menguntungkan pekerja juga.

Dengan itu, sekian, terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila Yang Berhormat Tuan P. Balaratn.

5.75 *ptg.*

**Tuan P. Balaram:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membahs satu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 serta menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita faham, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini pada mulanya dibuat pada tahun 1951, iaitu 40 tahun dahulu. Jadi, saya rasa

satu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dibuat pada masa kita masih dalam penjajahan British tentulah tidak sesuai dengan zaman sekarang—zaman kita merdeka sekarang. Saya sedar pihak Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa ada membuat beberapa pindaan kepada Undang-undang yang dibuat pada tahun 1951 dan akhirnya apabila Kementerian Kewangan mendapati Undang-undang yang dibuat pada tahun 1951 itu tidak sesuai lagi, maka Kementerian itu pun berjaya membuat satu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Dengan ini, maka Undang-undang yang dibuat pada tahun 1951 telahpun dimansuhkan,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Kerajaan kita kerana mengadakan satu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja in. Setahu saya, Kerajaan kitalah dalam kawasan ASEAN ini yang mula-mula sekali membuat satu Rang Undang-undang seperti ini untuk menjaga kepentingan kaum pekerja kita. Sikap Kerajaan kita ini menunjukkan betapa sungguh hasrat Kerajaan kita dalam menolong dan membantu kaum pekerja, lebih-lebih lagi apabila kaum pekerja ini berhenti bekerja atau bersara daripada pekerjaan mereka apabila mereka mencapai umur 55 tahun atau tua.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mahu kaum pekerja yang mana menyumbangkan usaha dan tenaga mereka icrhadap pembangunan negara kita ini menikmati satu kehidupan yang bahagia apabila mereka tua dan tidak berdaya bekerja lagi.

Kerajaan juga baru-baru ini untuk kesenangan pekerja-pekerja dan majikan-majikan telah menubuhkan beberapa cawangan KWSP di seluruh negara. Dengan penubuhan cawangan-cawangan KWSP ini, maka pencaurum-

pencarum dan juga majikan-majikan dengan senangnya pergi ke pejabat-pejabat yang berhampiran dengan tempat mereka dan menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan kii membentangkan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini, beliau menyentuh tentang beberapa faktor, beberapa unsur, seperti penyelewengan dan sebagainya. Penyelewengan ini memang berlaku. Saya berasal dari satu kawasan pendalaman, kawasan estet di mana tiap-tiap hari saya dapat peluang berjumpa dengan pencarum-pencarum ini. Pencarum-pencarum selalu mengadu kepada saya terutamanya pekerja-pekerja daripada pekebun-pekebun kecil dan estet-estet, dengan izin, 'fragmented estates', di mana bukan sahaja pekebun-pekebun kecil dan fragmented estate ini, beberapa kebun getah yang besar pun mengamalkan satu cara untuk menyeleweng daripada memberi caruman-caruman ini.

Satu cara yang mereka mengikuti ialah cara kontrak. Cara kontrak ini apabila diberi kontrak kepada seseorang ini, mereka tidak perlu lagi mencarum terhadap KWSP ini kerana salah satu syarat dalam kontrak tersebut, si pemberi kontrak itu ataupun estet itu, majikan itu tidak akan memberi caruman terhadap KWSP dan juga lain-lain kemudahan seperti cuti dan juga, dengan izin, maternity leave kepada pekerja-pekerja wanita dan sebagainya. Ini berlaku secara luas dalam beberapa estet-estet. Jadi, saya berharap dengan Rang Undang-undang baru ini, Inspektor-inspektor KWSP yang kita lantik, yang ada sekarang ini akan kerap pergi ke kawasan-kawasan ini dan membuat pemeriksaan. Apabila didapati penyelewengan, maka saya harap pihak KWSP ini membawa orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu ke mahkamah.

Dan saya juga merayu kepada Kementerian dan KWSP supaya menambah lagi hukuman yang diberi ataupun yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini.

Tuan Yang di-Pcriua, satu lagi cara penyelewengan yang dibuat ialah dalam pengeluaran wang caruman pekerja-pekerja itu. Sepertimana kita dapali dalam Rang Undang-undang ini, seseorang pencarum atau pekerja ini, yang mencarum terhadap KWSP ini, boleh mengeluarkan caruman mereka apabila mereka meningkat umur 55 tahun. Kalau mereka tidak berdaya lagi bekerja, ini berkehendakkan pemeriksaan doktor. Dan juga apabila pencarum-pencarum ini ingin membeli rumah.

Jadi, dalam hal-hal pengeluaran ini, ramai pencarum-pencarum yang juga tidak bertanggungjawab, atas pengaruh beberapa orang-orang tengah, cuba mengeluarkan wang itu dengan cara-cara yang tidak betul. Baru-baru ini, KWSP ini membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan separuh daripada wang caruman mereka untuk membeli rumah. Tetapi beberapa orang pencarum cuma mereka menandatangani satu perjanjian dengan seorang pemaju projek perumahan, selepas itu menghantar perjanjian yang dibuat itu bersama-sama dengan satu geran tanah dengan pelan rumah dan sebagainya kepada KWSP. Dan selepas permohonan mereka itu diluluskan dan dapat wang, mereka membatalkan perjanjian yang dibuat dengan pihak pemaju perumahan itu. Itu salah satu jalan mereka menipu KWSP. Ada kalanya tuan-tuan pemaju rumah sendiri menipu KWSP. Beliau berjanji dengan pembeli rumah untuk memberi balik separuh daripada caruman itu. Ini berlaku dalam hal-hal rumah kos rendah. Seseorang pencarum yang ingin membeli rumah kos rendah, beliau ini berhak mengeluarkan caruman yang penuh ataupun mengikut



kos rumah itu. Sekiranya kos rumah itu \$25,000 dan carumannya itu \$25,000 maka ianya dibenarkan mengeluarkan wang \$25,000. Pemaju-pemaju rumah ini bersetuju dengan pembeli rumah, apabila pembeli rumah ini dapat \$25,000 untuk membeli rumah itu bersetuju untuk memulangkan \$10,000 kepada pencarum. Selepas itu sebagai baki kos itu pihak pemaju perumahan itu meminjamkan dari pihak bank. Jadi, si pembeli rumah itu bukan sahaja mengeluarkan wang \$25,000 daripada KWSP selain daripada itu beliau juga dapat \$10,000 lagi daripada bank. Ini salah satu cara mereka mengeluarkan wang.

Satu lagi cara apabila seseorang pencarum itu tidak terdaya lagi untuk bekerja oleh kerana sesuatu penyakit, kemalangan dan sebagainya, si pencarum itu terpaksa menghadapi satu peperiksaan doktor-doktor yang ada dalam panel KWSP. Apa yang saya dapat tahu ini ada beberapa orang tengah yang berjumpa dengan doktor-doktor itu, ada satu persetujuan di antara doktor dan orang tengah serta juga pencarum itu. Kalau doktor itu mengaku si pemohon itu atau si pencarum itu betul-betul sakit dan tidak boleh bekerja lagi, maka doktor-doktor yang memeriksa si pencarum itu atau si pemohon itu akan dapat satu ganjaran daripada wang yang dia dapat. Itu satu lagi cara menipu KWSP.

Ada juga beberapa orang yang tidak bertanggungjawab, ini satu kes yang saya dapat tahu. Seorang pencarum, selepas dia berhenti kerja, dia pergi ke India dan menetap di negara India. Saudara-mara mereka di negara ini yang ada dokumen-dokumen si pencarum itu, dengan kerjasama seorang doktor tempatan mengatakan si pencarum itu telah meninggal dunia di India, bawa dokumen-dokumen dari negara India dan sudah berjaya mengeluarkan wang caruman daripada KWSP. Ini adalah beberapa kes penyelewengan bukan sahaja daripada

majikan-majikan tetapi pencarum-pencarum sendiri yang melakukan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat dalam Rang Undang-undang ini, ada beberapa perubahan mengikut zaman moden ini sesuai dengan kedudukan pekerja, tetapi saya rasa satu perkara tidak disebut langsung dalam Rang Undang-undang yang dibuat ini, iaitu sepertimana kita sedar bahawa pendidikan adalah sangat penting kepada tiap-tiap seorang anak. Jadi eloklah saya rasa jika Kementerian Kewangan membuat peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini untuk seseorang ibu bapa atau pencarum yang mencarum terhadap KWSP ini mengeluarkan separuh daripada pencarumannya itu untuk perbelanjaan bagi pendidikan anak-anaknya.

Sepertimana kita tahu pendidikan pada zaman ini sangatlah susah bagi pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Ada beberapa orang ibu bapa walaupun mereka sudah mohon untuk mendapatkan separuh daripada caruman itu untuk menghantar anak-anak mereka ke luar negeri mendapatkan pelajaran Unggi, tetapi mereka tidak berjaya. Jadi saya berasa KWSP harus membuat pindaan kepada Undang-undang KWSP ini dan membuat peruntukan-peruntukan supaya pencarum-pencarum atau ibu bapa yang mencarum di dalam KWSP ini boleh mengeluarkan 20% atau 30% daripada caruman itu untuk perbelanjaan terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh dalam Rang Undang-undang baru ini ialah ada beberapa peruntukan-peruntukan dibuat untuk membuat pelaburan dengan luasnya ataupun skop pelaburan telahpun diperluaskan. Saya

berharap apabila pelaburan-pelaburan ini mendapatkan pulangan yang baik, maka pencarum-pencarum KWSP ini haruslah diberi nikmat.

Pada masa ini mereka cuma mendapat faedah sahaja, bukan dividend, sebanyak 8% setahun. Pada anggapan saya faedah 8% sahaja tidak cukup. Saya rasa mereka harus diberi dividend daripada pelaburan-pelaburan atau keuntungan-keuntungan yang dibuat oleh KWSP nanti. Maka dengan kata-kata itu sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kmenterian Kewangan dan menyokong penuh Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ya, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

5.35 *ptg.*

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Seperti yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang ini, beliau telah dengan jelasnya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa undang-undang yang dicadangkan ini adalah untuk memperlengkapkan dan memperkemaskan Akta yang sedia ada.

Kita sedia maklum satu-satu undang-undang sekiranya tidak sesuai untuk masa sekarang harus dipinda, harus ditukar untuk keperluan masanya.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP adalah satu agensi Kerajaan yang amat besar dan keahliannya 5.5 juta bagi tahun 1989. Ia telahpun ditubuhkan 40 tahun yang lalu, oleh sebab itu undang-

undang ini harus dipinda untuk mengetatkan masalah-masalah yang dihadapi oleh KWSP pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini selagi penipu ada, penipuan itu tidak boleh dihapuskan. Kerajaan dengan daya-usahanya berusaha untuk sejauh mana penipuan dan penyelewengan boleh dikurangkan, walaupun tidak boleh dihapuskan kerana penipuan itu berlaku bukan oleh majikan sahaja, penipuan dilakukan oleh pencarum apabila dia hendak mengeluarkan wang simpanannya. Sebab itulah saya katakan selagi kita tidak jaga dan kita tidak berawas-awas, penipuan dan penyelewengan seperti yang dihuraikan oleh rakan saya tidak dapat dikawal.

Saya amat terkeliru dengan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh majikan. Saya mengucapkan syabas kepada kakilangan KWSP yang mana mereka telah dapat mengawal melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaannya.

Tuan Yang di-Pertua, 16,292 pemeriksaan telah dijalankan dan hasil daripadanya KWSP telah berjaya mendaftarkan 4,403 majikan pada tahun ini.

Pemeriksaan ke atas majikan berdaftar dengan KWSP yang tidak mematuhi peruntukan Undang-undang KWSP ialah 100,836 dan jumlah tunggakan caruman yang ditaksirkan ialah \$60 juta pada tahun 1989. Bilangan majikan yang gagal membayar caruman KWSP untuk tahun ini adalah 43,823. Daripada 1,506 majikan yang telah didakwa di mahkamah, 1,318 daripadanya telah didapati bersalah oleh mahkamah. Ini menunjukkan dengan undang-undang yang sedia adapun ada pihak-pihak yang berani membuat kesalahankesalahan. Saya difahamkan daripada pengalaman mereka, dan Menteri

Kewangan telahpun mencadangkan Rang Undang-undang supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik supaya dengan Rang Undang-undang ini dapat mengurangkan penyelewengan dan penipuan.

Saya mengucapkan syabas kepada kakitangan KWSP, tetapi saya tidak faham, apabila saya mengucapkan syabas—kita ada satu ibu pejabat di Kuala Lumpur (KUWASA) tetapi Ibu Pejabat KWSP, ini ada empat lokasi. Satu di Jalan Gasing, satu di Menara MPPJ, satu lagi di Wisma Tun Sambantan dan satu lagi di Bangunan KUWASA. Apa sebab saya tidak faham. Mungkin KWSP menyewakan ruangan-ruangan di bangunan KUWASA itu untuk mendapatkan sewa yang banyak tetapi ini akan menyusahkan pencarum-pencarum apabila mereka ingin mendapatkan perkhidmatannya. Sekiranya semua pejabat-pejabat ini diletakkan di satu bangunan, mereka boleh mendapatkan satu perkhidmatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua boleh cuba esok menelefon ke Ibu Pejabat KWSP. Operator Telefon langsung tidak menjawab sehingga sampai lima minit. Apa sebab saya pun tidak tahu. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri juga boleh menelefon ke Ibu Pejabat KWSP di Jalan Gasing. Inilah satu masalah . . . .

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, lima minit tidak berjawab ataupun dia jawab . . . .

**Tuan C. Krishnan:** Dia bunyi berhenti dan sekali lagi apabila kita telefon baru mereka jawab. Lebih kurang lima minit atau mungkin kurang daripada itu. Ini menunjukkan, seperti yang saya katakan, apabila seseorang pencarum datang ataupun mereka ingin tahu maklumat-maklumat melalui telefon, sekiranya tidak ada jawapan atau layanan, ini akan menjejaskan

imej agensi itu. Ini secara psikologi mereka tidak akan suka kepada pentadbiran Kerajaan, disebabkan oleh seorang Operator Telefon, saya tidak mahu imej satu-satu agensi itu terjejas. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu jawapan apabila beliau menggulung mengenai perkara ini nanti dan saya harap bangunan KUWASA ini digunakan semata-mata untuk agensi yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menghuraikan supaya aktiviti penguatkuasaan harus dipertingkatkan supaya janganlah majikan-majikan itu mengabaikan tugas-tugas mereka tanpa membuat bayaran caruman kepada KWSP. Oleh sebab itu saya mengesyorkan supaya unit-unit penguatkuasaan itu ditambah dengan pegawai-pegawai supaya mereka boleh menjalankan pemeriksaan terhadap majikan-majikan dengan cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengesyorkan di sini, mungkin ada cadangan daripada KWSP supaya ibu pejabatnya dicentralisekan di merata-rata tempat. Mungkin di kawasan negeri-negeri di Pantai Timur saya difahamkan tidak ada pejabat KWSP dan ini harus diperbanyakkan di negeri-negeri di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma tertarik dengan Bahagian VI dan Bahagian VII di mana pengeluaran caruman dan kesalahan-kesalahan tertentu dan prosiding ini dan rakan saya yang telah berucap sebentar tadi telahpun menghuraikan beberapa isu mengenai penyelewengan. Saya tidak mahu mengulangi, cuma saya di sini ingin menambah sedikit, saya difahamkan pencarum menipu KWSP dengan berpakat dengan doktor-doktor saya difahamkan kerana ada undang-undang di mana mereka tidak berupaya dari segi fizikal atau mental untuk bekerja dalam mana-mana pekerjaan selanjutnya, mereka boleh

mendapatkan caruman mereka. Seperti saya katakan tadi, mungkin mereka mencari jalan, sebagai manusia, mereka mempunyai kelemahan, kita tidak boleh salahkan pegawai-pegawai Kerajaan sahaja, kita tidak boleh salahkan Ahli-ahli Yang Berhormat sahaja, semua orang ada kelemahan masing-masing. Mungkin mereka berpakat dengan doktor, doktor pun ada kelemahan—tiap-tiap hari doktor mendapat \$8 atau \$10 sahaja dari setiap pesakit. Kalau sekaligus mereka boleh mendapat \$2,000-\$3,000 apa salah mereka berbuat demikian. Inilah kelemahan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kalau sekiranya dia tidak boleh bekerja selanjutnya, fizikal atau mental, mereka hendaklah dibayar secara beransur-ansur, mungkin sebagai pencen tiap-tiap bulan dapat dibayar kepada pencarum itu, jangan dibayar sekali gus. Mungkin dengan ini kita boleh mengelakkan penyelewengan. Kita sudah tahu ada penyelewengan apatah lagi undang-undang yang kita cadangkan ini ada loophole, dengan izin. Kita hendak tutup loophole ini. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan meluluskan Rang Undang-undang ini tanpa pindaan, tetapi saya cuma hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengambil kira mengenai isu ini. Ini sering berlaku, seseorang pekerja dengan bersusah-payah bekerja bertungkus-lumus untuk membuat caruman, untuk mendapatkan caruman dengan cepat, mereka menjadi mangsa kepada orang tengah. Oleh sebab itu, kalau boleh Menteri ada kuasa supaya apabila kes ini sahaja, kalau macam kes sudah sampai 55 tahun, dia berhak dapat semuanya. Kalau 50 tahun dapat satu pertiga.

Kes yang ketiga, kalau dia tidak boleh kerja langsung, alasan medical ground, dengan izin, saya difahamkan mereka dibayar sekaligus. Kalau boleh

mungkin tiada kebanyakan kes-kes itu, doktor-doktor dalam panel itu ada yang berbudiiman, ada yang sentiasa takut kepada Tuhan, ada orang yang berkelulusan tinggi, ada ethics, dengan izin, tetapi mungkin ada satu dua berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar ada kes di mana satu doktor dalam panel pun sudah dibuang . . . .

**Tuan Adam bin Kadir:** Itu boleh jadi dia tak takut kepada Tuhan!

**Tuan C. Krishnan:** Dia tak takut. Manusia mesti takut kepada Tuhan

**Tuan Adam bin Kadir:** Bagus.

**Tuan C. Krishnan:** . . . walaupun berilmu, takut kepada Tuhan. Saintis pun takut kepada Tuhan. (Kelawa) Di Bentong itu berlaku di mana semua kes direfer oleh KWSP, "Saya dengan ini mengesyorkan beliau ini tidak boleh kerja". Tetapi kalau betul-betul kita refer kepada doktor yang lain, kalau specialist, kita boleh dapat apa kebenaran itu. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambilkira, ini mungkin ada perpakatan. Saya difahamkan cek-cek KWSP itupun dihantar terus kepada orang berkenaan. Dia tukar alamat, dia pandai. Dia tahu macam mana itu, doktor di Raub, doktor itu boleh ambilkira, dia tukar alamat ke Raub. Tengoklah cari jalan yang mana kita boleh mengawalkan penyelewengan. Saya kala selagi ada penipu, penipuan masih terus berlarutan. Oleh sebab itu, saya sungguh-sungguh berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengambilkira dengan kes-kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencarum-pencarum itu masih lagi tidak berapa memahami tentang tanggungjawab mereka. Kalau boleh kita adakan beberapa seminar. 13 seminar sahaja

seluruh tahun 1989 tidak cukup. Kalau boleh seminar itu di peringkat kampung, peringkat estet, peringkat kampung-kampung baru. Kalau boleh pakat dengan Jabatan Penerangan, mereka selalu adakan kursus sivik, perhimpunan sivik. Kalau boleh kita kawalkan keadaan penipuan dan penyelewengan itu. Saya mengesyorkan supaya perbanyakkan aktiviti untuk mendidik pencarum-pencarum supaya mereka faham dengan lebih teliti mengenai peranan mereka. Apabila ada satu-satu perkara, mereka boleh laporkan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kata orang di peringkat kontrak pun tak bayar EPF, memang benar. Mungkin seorang bekerja di kawasan pendalaman, kawasan jauh tidak faham. Dia difahamkan bahawa mungkin orang-orang bekerja secara kontrak itu tidak perlu bayar EPF. Oleh sebab itu, saya nampak di dalam iklan-iklan TV pun sentiasa keluar mengenai peranan KWSP. Kalau boleh memperbanyakkan seminar-seminar, kursus-kursus untuk pencarum-pencarum dan juga majikan. Beritahu majikan supaya majikan tahu sekiranya mereka gagal bayar, mereka akan dihadapkan ke mahkamah, satu kesalahan besar, dendanya, nama majikan akan rosak. Oleh sebab itu, majikan dan pencarum itu harus dididik. Saya harap ramai Pegawai-pegawai Penerangan bolehlah direkrutkan oleh KWSP kerana ia satu agensi Kerajaan yang besar. Untuk menjaga kepentingan badan ini, kita rekrutkan ramai Pegawai-pegawai Penerangan, saya ingat Dewan inipun akan luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya berharap Pendaftar Syarikat Perniagaan itu sentiasa menyelaras dengan KWSP. Mungkin ada gedung-gedung yang tidak mendaftarkan perniagaan mereka ataupun mereka telah mendaftar tetapi tidak diberitahu kepada KWSP. Mungkin dengan

penyelarasan dengan Pendaftar Syarikat itu masalah ini kita boleh dapat elakkan. Dengan kerjasama Pendaftar Syarikat, apabila satu-satu syarikat telah didaftarkan, mereka boleh berhubung dengan KWSP memberitahu segala butir-butir di mana KWSP boleh tahu syarikat berkenaan telahpun bayar atau tidak caruman-caruman mereka mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, memang Akta ini di dalam lima tahun akan datang mungkin ada kelemahan, memang kita boleh pinda nanti. Pada setakat ini segala-galanya mengandungi di dalam Rang Undang-undang ini. Saya cuma ingin mengesyorkan satu sahaja, kalau boleh carilah satu jalan supaya pekerja-pekerja ladang itu, mereka dalam mesyuarat-mesyuaratnya telah menyuarakan, bukan sahaja pekerja-pekerja ladang tetapi pekerja-pekerja di mana mereka tidak menerima apa-apa pencen apabila mereka berhenti kerja. Saya ingat badan KWSP boleh menjadi satu saluran untuk merancang dan menggubal satu skim pencen bagi pekerja-pekerja ladang. Badan ini adalah satu badan yang sesuai supaya kita boleh berdialog dengan majikan-majikan estet. Selain daripada caruman bagi KWSP, daripada gaji mereka, daripada sumbangan dari majikan itu kita boleh menetapkan satu amaun supaya satu skim pencen boleh diamalkan di mana apabila mereka itu sudah bersara, seperti kakitangan-kakitangan Kerajaan, mereka boleh mendapat faedah skira pencen melalui KWSP. Mungkin, Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, Bil ini tentang EPF ataupun KWSP.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Bil inipun ada mention pencen—ini besar, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Tengok berapa mukasurat itu. Saya syorkan . . . .

**Tuan Adam bin Kadir:** Saya tahu, tetapi kalau khusus untuk ladang, tidak ada terlingkung dalam Akta itu.

**Tuan C. Krishnan:** Saya cuma syorkan melalui KWSP . . . .

**Tuan Adam bin Kadir:** Baik, boleh syor.

**Tuan C. Krishnan:** . . . supaya diadakan satu skim, Mungkin hari ini tidak boleh menggubal, EPF pun ambil masa yang lama, 40 tahun dahulu, sebelum itu tidak ada EPF. Ini skim yang baru dan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengendalikan syor ini, boleh ambil masa dan sekiranya boleh amalkan, amalkan. Kalau tidak boleh, apa boleh buat, tak apalah, kita cari melalui badan swastalah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Sekian, terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Mohd. Seth.

6.00 ptg.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang yang tersebut.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementeriannya kerana telah siapkan dengan padat Rang Undang-undang itu. Namun demikian, sokongan saya seperti sahabat saya telah menyuarakan dan daripada mereka ternyata kebimbangan mereka terhadap pegawai-pegawai yang mengelolakan organisasi mengikut lapisan seperti di pihak pengurusan khususnya.

**(Tuan yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)**

Saya tekankan di sini, dengan izin, ialah apa-apa organisasi pun kalau hendak buat ataupun diperbetulkan, selagi pekerja-pekerja itu tidak pekerja-pekerja yang handal, yang pandai, yang ikhlas, organisasi itu tidak mungkin berjaya terhadap apa juga hasrat organisasi itu. Oleh itu, saya juga ingin menekankan, oleh kerana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini sepertimana telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah bukan \$10 ataupun \$20 million, tetapi beratus million ringgit yang dijagai dan yang juga akan dilaburkan supaya dapat keuntungan demi untuk majikan-majikan mereka. Oleh kerana itulah pegawai-pegawainya daripada atas sehingga bawah harus pegawai-pegawai yang betul-betul tahu tanggungjawabnya, pegawai-pegawai yang berkaliber. Ini saya tekankan dan saya percaya rakan-rakan saya yang lain bersetuju juga terhadap itu. Dengan itu, pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai itu harus dibayar gaji yang berpatutan. Janganlah kita lokek hendak membayar gajinya untuk menjaga pelaburan ataupun tanggungjawab yang mengandungi beratus million ringgit itu.

Tuan Yang di-Pertua, di Lembaga Kumpulan ini, orang-orang yang handal, pegawai yang handal semua ada di situ, bagus sekali, saya sokong itu. Kepada saya dan juga kepada pengalaman saya adalah serupa, kalau tidak salah seperti macam Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Pernah saya duduk di situ dan semua orangnya handal. Lembaga KWSP dan saya percaya Lembaga KWSP ini akan berjaya lebih besar lagi dari Lembaga Angkatan Tentera.

Lapisan yang kedua penting juga tanggungjawabnya ialah Lembaga dan Panel Pelaburan. Panel Pelaburan saya perhatikan dengan Pengerusinya, ahli-

ahlinya wakil daripada Bank Negara, seorang wakil dari Kementerian Kewangan. Pengurus Besar, saya kurang pasti adakah Pengurus Besar itu sebagai ahli ataupun member-in-attendance, dengan izin, dan tiga orang lain yang mempunyai pengalaman. Tiga orang lain yang ada pengalaman itu sekiranya mustahak, sekiranya dikehendaki, saya rasa elok juga dijemputkan orang-orang yang pakar dari luar untuk menolong Lembaga Panel itu, oleh kerana wang ringgit yang akan dilaburkan itu berjuta-juta.

Satu lagi perkara berkenaan ini, saya percaya sangat ialah, *modus operandinya*, dengan izin, elok sangat dijalankan secara swasta. Dengan hormat, saya perhatikan sedikit-sebanyak di Lembaga Tabung Angkatan Tentera itu pegawai-pegawai yang bekerja di situ dan juga tanggungjawabnya ialah mengikut sangat peraturan sepertimana peraturan civil service. Bukanlah peraturan itu tidak baik, tidak sekali-kali, tetapi peraturannya sangat ketat dan tidak dapat pegawai yang bertanggungjawab menjalankan tugas dengan lebih luas lagi seperti swasta. Dan saya percaya penuh kalaulah dianggapkan pegawai-pegawai yang menjalankan tanggungjawabnya di dalam organisasi itu sepertimana dijalankan di dalam swasta, saya percaya mereka itu dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih cepat, dengan lebih mendatangkan keuntungan kepada badan-badan itu.

Satu perkara lagi kepada pekerja-pekerja yang ada di organisasi itu, khususnya di lapisan pengurusan, saya percaya tentu sekali patut diberi peluang kepada shareholders, tetapi syaratnya mereka itu ada kebolehan. Jadi, mereka itu terasa ini kepunyaan aku dan aku akan cuba membuat dengan seberapa yang boleh supaya kejayaannya itu akan dicapai lebih besar lagi.

Seperkara lagi berkaitan dengan ini, saya rasa kepada majikan, kalau sudah berhenti kerja, retires, dengan izin, harus sangat diberi segala pertolongan pekerjaan melalui apa-apa juga pelaburan yang badan itu ada melaburkan. Saya berilahu ini dengan pengalaman saya dari segi Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Kepada tentera yang melabur dalam Tabung Angkatan Tentera, tidak semua dapat pekerjaan, diberi pertolongan, cuma sedikit sahaja. Saya tidak ingin melihat kalau-kalaulah majikan yang ada ini esok, kalau sudah habis diberhenti kerja, duit ada sudah, dapat pencen dan segala ganjarannya habis dan lupa sama sekali. Saya percaya itu tidak patutlah. Saya harap perhatian yang berat akan diberi kepada mereka itu.

Seperkara lagi ialah berkaitan dengan Pengurus Besar yang dikalakan di sini. Kepada sayalah, molek si Pengurus Besar itu dinamakan sebagai Managing Director levelnya, dengan izin, ataupun Chief Executive. Ini boleh memberi semangat kepada dia untuk memegang teraju itu. Di sini sekali lagi saya tidak dapat tidak mengulang balik kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera itu. Saya kasihan Pengurus Besar itu dengan tanggungjawabnya sangat luas dan as a General Manager, dengan izin, kalau dibandingkan dengan Managing Director ataupun Chief Executive lain atau dibandingkan daripada orang-orang yang biasa ada berkaitan dengan perniagaan itu, status pegawai-pegawai itu biasanya sedikit atas dan gajinya pun sedikit atas juga. Nama Pengurus Besar (General Manager) itu biasanya kurang tarafnya. Ini yang mendalangkan kepada mereka itu, saya percaya tidak begitu penuh bersungguh-sungguhnya. Kalau titlanya, Managing Director, Chief Executive ataupun Executive Director dengan gajinya pun boleh setanding dengan kawan-kawan yang selalu dia berbincang berkenaan dengan perniagaan, semangat dia pun lebih dan juga dia berani bercakap,

discuss fasal business dan segalanya. Jadi, designation seperti ini ada impact pada faham saya.

Akhirnya saya sekali lagi ingin menekankan betapa kalilah kita baiki satu-satu organisasi itu, berapa besarlah kita buatlah, selagi orang yang bekerja di situ tidak orang yang betul-betul handal, berkaliber dan jujur begitulah telungkupnya. Jadi, kita tidak hendak melihat badan yang besar sekali di antara organisasi seperti ini, saya percaya dia besar lagi daripada LTAT ataupun LUTH dan sebagainya runtuh. Jadi kita mesti tentukan apabila undang-undang ini, diluluskan ia akan dijalankan dengan sebaik-baiknya dan mesti capai matlamat sepertimana yang diharapkan. Jangan lupa juga dari segi apa ditekankan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi berkenaan dengan disiplin, mahupun dimajikan, mahupun orang-orang yang bekerja di dalam itu. Kalau itu semua dijagakan, insya Allah, kila punya organisasi sebegini akan berjaya dengan sebaik-baiknya.

Saya percaya juga berhubung rapat di antara LTAT, PNB dan LUTH itu semua tentu sekali ada berkaitan untuk menjayakan khususnya di segi perniagaan.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sampaikan di sini dan sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa saya sokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Kementerian yang berkenaan untuk memberikan jawapan.

#### 6.11 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada empat Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu

Senator Hassan Harun, Senator P. Balaram, Senator C. Krishnan dan juga Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali yang telah bangun untuk memberi pandangan dan membahaskan Rang Undang-undang di hadapan kita pada petang ini dan memberi sokongan yang penuh terhadap kandungan Rang Undang-undang ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keempat-empat Ahli Yang Berhormat yang telah kesemuanya menyentuh tentang dua perkara pokok dalam soal Rang Undang-undang ini. Yang pertamanya, peranan undang-undang untuk membuat peraturan, prosedur menentukan sistem dan sambil itu pula untuk memastikan bahawa perkara yang baik itu dilayan dengan sewajarnya dan perkara yang tidak betul dan salah dikenakan hukuman yang sewajarnya. Itu adalah tanggapan yang lelah diberikan oleh keempat-empat Ahli Yang Berhormat terhadap perlunya satu Rang Undang-undang seperti Rang Undang-undang di hadapan kila pada petang ini.

Sambil itu pula saya berterima kasih kerana keempat-empat Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang betapa pentingnya bahawa sesuatu masyarakat itu akan hanya dapat terpelihara dan menuju ke satu arah yang lebih baik lagi jika sekiranya ianya tidak sahaja bersandarkan kepada peruntukan undang-undang tetapi berdasarkan kepada moral amalan-amalan yang baik. Yang Berhormat Tuan C. Krishnan menyebut istilah "budiman" Tuan Yang di-Pertua. Istilah "budiman", ini mengingatkan kita kepada satu ungkapan kata yang amat besar ertinya kepada masyarakat Malaysia dan masyarakat Melayu khususnya bahawa seseorang itu dianggap baik, diiktiraf sebagai orang yang ada peranan, dihormati oleh masyarakat dan akhirnya dia disebut sebagai seorang yang "budiman". Terkadang dalam orang yang



dikatakan seorang budiman itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah seorang yang mempunyai budi dan seorang yang mempunyai iman.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju penuh di atas saranan keempat-empat Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan undang-undang tidak memadai, ia memerlukan kepada amalan-amalan yang menekankan tentang soal budi dan yang lebih penting lagi ialah keimanan seseorang terhadap Tuhan masing-masing supaya peruntukan undang-undang dapat diperkukuhkan lagi dengan wujudnya amalan budi dan iman di kalangan semua pihak tidak kira sama ada pihak dalam Rang Undang-undang ini, di pihak mereka yang mentadbirkan KWSP, mereka yang diwajibkan untuk membayar caruman sama ada pihak majikan atau pihak pencaerum-pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah dua perkara pokok yang telah dibahaskan oleh keempat-empat Ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas dua asas yang penting di dalam perbahasan sebentar tadi.

Saya ingin merujuk kepada perkara-perkara khusus yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya, Yang Berhormat Tuan Hassan Harun mengenai curiganya terhadap perluasan skop pelaburan.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa dari segi rekodnya bahawa KWSP sudahpun terbukti sebagai satu badan yang telah menyelenggarakan wang amanah dengan sebaik-baiknya. Terbukti kerana tidak pernah sekali-kali KWSP terpaksa lari mencari sumber kewangan Kerajaan seperti diperuntukkan dalam undang-undang membayar hak mereka yang mencarum. Sambil itu pula KWSP sejak 10 tahun yang lalu adalah sebuah badan yang telahpun melaburkan wang amanah itu

dengan sebaik-baiknya dengan membawa pulangan yang agak dari segi perbandingannya wajar. Sejak 10 tahun yang lalu sampailah kepada tahun 1990 ini bahawa caruman dividen yang telah diberikan tidak kurang daripada 8%.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa KWSP adalah sebuah institusi pemegang amanah yang tertakluk kepada Akta Pemegang Amanah di mana ianya dibenarkan melabur di dalam Trustee Stock sahaja. Sewajarnya Trustee Stock ini membawa pulangan yang stabil, yang bukan sahaja stabil bahkan ada di antara Trustee Stock ini yang juga membawa pulangan yang menarik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada peruntukan di mana undang-undang memastikan bahawa dalam satu-satu tahun pelaburan dalam sekuriti Kerajaan tidak kurang 50%. Walaupun begitu, pada keseluruhannya tidak kurang 70%. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelaburan yang dibuat oleh KWSP masih lagi dalam bentuk pelaburan antara yang paling kukuh yang boleh dibuat oleh sesuatu badan amanah seperti KWSP. Selain daripada itu kita perlu menerima hakikat bahawa ekonomi kita makin lama makin berubah dari segi struktur dan keperluan kewangan bukan sahaja daripada sumber KWSP ini diperlukan oleh pihak Kerajaan bahkan kebelakangan ini keperluan Kerajaan dari sumber KWSP ini mungkin makin lama makin berkurangan oleh kerana perkembangan dan pertumbuhan ekonomi agak makin lama makin pesat walaupun saya terima ada kalanya mungkin kita menghadapi suasana meleset. Tetapi rata-rata dari segi peluang pelaburan dan keperluan kewangan sektor-sektor dan struktur ekonomi negara kita, sewajarnya undang-undang ini memperuntukkan supaya KWSP diberi peluang untuk melabur dalam bidang-bidang di mana

berlakunya pertumbuhan yang pesat. Walaupun begitu, bukan sahaja mendapat pulangan yang lebih baik tetapi masih lagi terjamin dari segi kadar risiko yang ditanggung oleh pihak KWSP.

Ingin saya menegaskan di sini, jika sekiranya KWSP membuat pelaburan yang berbagai dalam bentuk pelaburan ekuiti pelaburan itu dibuat sebegitu rupa, ianya berbagai-bagai supaya ianya terpelihara daripada risiko. Kerana kalau sekiranya berbagai-bagai, ada di antara nilai yang turun, ada yang naik dan dengan cara demikian, maka pelaburan itu akan lebih terjamin jika sekiranya KWSP agak terdedah kepada satu-satu bidang pelaburan tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hassan Harun mengenai kemungkinan di mana ada musim dan zamannya dan keadaan ekonomi agak tidak mengizinkan, di mana ada di antara firma-firma dan perbadanan-perbadanan yang merupakan majikan-majikan tidak terkecuali daripada tekanan keadaan ekonomi. Dengan cara demikian, mereka menghadapi masalah kewangan yang berbagai-bagai, sama ada dalam bentuk cash-flownya ataupun dalam kes-kes tertentu tidak mampu langsung untuk membayar caruman yang diwajibkan kepada majikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal seperti ini, ingin saya maklumkan di sini bahawa KWSP membenarkan pembayaran secara ansuran—dalam keadaan seperti ini. Walaupun begitu, perkara ini perlu, kalau keadaan sebegitu rupa bahawa majikan yang gagal membayar caruman perlu juga didakwa di mahkamah. Tetapi dari segi Rang Undang-undang ini, peruntukan seperti kuasa untuk membuat Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah, mengizinkan pihak berkuasa

sama ada pihak Menteri ataupun pihak Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan dan di antaranya adalah untuk bayaran ansuran seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengecualikan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan ini supaya majikan tidak membayar caruman. Kalau begitu, maka peranan, matlamat KWSP akan tergendala apabila keadaan ekonomi sesebuah masyarakat dalam keadaan meleset yang pernah kita lalui.

Jadi, ini adalah peruntukan dari segi peraturan, kemudahan dari segi pentadbiran yang boleh diberikan dalam keadaan seperti yang digambarkan oleh Yang Berhormat Senator Hassan Harun. Berdasarkan kepada penjelasan saya sebentar tadi peruntukan undang-undang seketat yang termaktub dalam cadangan Rang Undang-undang ini masih diperlukan lagi untuk memastikan bahawa pihak majikan tidak mengambil kesempatan dengan sewenang-wenangnya untuk mengelakkan ataupun menyeleweng daripada memikul tanggungjawab mereka sebagai majikan terhadap pekerja-pekerja mereka.

Saya amat bersetuju di atas cadangan Yang Berhormat Senator Hassan Harun mengenai perlunya bimbingan. Peruntukan undang-undang seperti yang telah dijelaskan dalam ucapan saya pada awal-awal tadi perlu dibuat sehinggakan kita perlu mengemaskinikan undang-undang berdasarkan kepada pengalaman kita selama 40 tahun. Ada di antaranya diperketatkan, ada di antara peraturannya dijelaskan lagi. Walaupun begitu, saranan daripada Yang Berhormat Hassan Harun yang mengatakan bahawa perlu bimbingan dan juga Yang Berhormat Senator C. Krishnan mengatakan perlukan kepada seminar-seminar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima cadangan-cadangan yang baik ini dan saya percaya bahawa pihak Pengurusan KWSP sewajarnya mengambil cadangan-cadangan yang baik ini supaya tidak sahaja menghantar inspektor-inspektor untuk kerja-kerja pencegahan dan penguatkuasaan, tetapi menghantar juga pegawai-pegawai untuk memberi penjelasan kepada semua pihak majikan dan juga pencarum-pencarum, sama ada melalui media-massa ataupun berbagai-bagai cara supaya akhirnya KWSP ini akan menjadi lebih meriah lagi kerana maklumat dan pengetahuan lebih luas tersibar kepada semua pihak yang sama-sama dapat menikrntati daripada kemudahan KWSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Balarum Pethanaidu. Yang pertamanya, mengenai berlakunya langkah-langkah kebelakangan ini, sejak setahun-dua ini di mana pihak KWSP cuba menyelerakkan kemudahan pejabatnya atau decentralization, dengan izin, pejabat-pejabat KWSP. Sebelum daripada ini pejabat-pejabat yang diletakkan di luar Kuala Lumpur adalah untuk tugas-tugas penguatkuasaan sahaja. Tetapi kebelakangan ini dua pejabat baru akan diwujudkan di peringkat Negeri—satu di Johor dan satu di Kelantan supaya kedua-dua Negeri ini terlebih dahulu mempunyai pejabat KWSP di peringkat Negeri, bukan sahaja untuk . kerja-kerja penguatkuasaan tetapi untuk kerja-kerja yang lebih luas lagi. Dan ini adalah tindakan-tindakan yang pertama untuk menyelerakkan lagi kemudahan pejabat-pejabat KWSP. Selepas itu

akan sampai ke negeri-negeri yang lain dan saya percaya bahawa apabila masanya sesuai nanti, mungkin akan tiba ke peringkat yang lebih bawah lagi daripada peringkat negeri-negeri yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Senator P. Balarum tadi di mana beliau mengatakan ada kes-kes majikan mengelak daripada membuat caruman dengan meng-gajikan pekerja secara, dengan izin, contract for service dan bukan contract of service. Jadi, dalam hal ini, di bawah Pasal 12(b) Rang Undang-undang yang baru ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan diberikan kuasa sebegitu rupa supaya dapat mengisytiharkan apa-apa saaraan sebagai tertakluk kepada caruman KWSP. Jadi, ada peruntukan yang agak mengizinkan penyelewengan seperti begini di mana ada pihak-pihak tertentu sengaja mengelak, maka perlukan satu peruntukan (12(b)) untuk merangkumi amalan-amalan yang mengelak daripada ditafsirkan sebagai saaraan yang memerlukan kepada caruman kepada KWSP.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila sambung ucapan esok.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok mulai pada pukul 3.00 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*